

DEWAN MAJLIS**Rabu, 26 Jamadilakhir 1439/14 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2:00 petang

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari

Musim Permesyuaratan Keempat Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari ini hari yang kelapan, Rabu, 26 Jamadilakhir 1439 bersamaan 14 Mac 2018, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
segala puji dan kesyukuran kepada الله segala puji dan kesyukuran kepada الله kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, kita dapat pada petang ini bersama-sama lagi berkumpul bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan yang diadakan pada petang ini memasuki hari kelapan. Pada petang ini kita terus sahaja membincangkan Rang Undang-Undang Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini, kita bincangkan dan kita kaji satu per satu, maka saya tanguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)****Yang Berhormat Pengerusi:**

يسـَـلـَـمُ اللهُ الرَّحْمٰنَ الرَّحِیْمَ
 Ahli - Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu per satu yang kita ketahui Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Pada petang semalam, kita telah mula membincangkan Jadual Kementerian Pendidikan. Mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan cukup jelas yang menyentuh aspek-aspek dan elemen-elemen hala tuju kementerian itu. Kita juga telah membahaskan Tajuk ini dengan penyertaan seramai 2 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung semula untuk membahaskan dan meneliti Tajuk Kementerian Pendidikan ini, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan tambahan terhadap soalan-soalan yang belum sempat dijawabnya semasa membincangkan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola hanya ingin untuk menjelaskan atau menambah penjelasan kaola kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:

1. Mengenai penyelarasan gaji Jabatan Bomba dan Penyelamat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa penyelarasan gaji ini baru sahaja selesai disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Skim Perkhidmatan tersebut telah pun dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan selanjutnya;
2. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong mengenai perbezaan jurang gaji dan waktu bekerja antara sektor swasta dan sektor kerajaan. Dalam sektor kerajaan gaji ditentukan oleh Skim-Skim Perkhidmatan adalah ditetapkan oleh agensi yang berwajib iaitu setiap kadar gaji telah ditetapkan mengikut kelulusan yang diperlukan untuk mengisikan satu jawatan. Gaji yang ditawarkan oleh sektor swasta pula tertakluk kepada pasaran semasa dan seterusnya kemampuan setiap syarikat atau majikan untuk memberikan gaji yang kompetitif. Gaji yang ditawarkan juga menurut persetujuan antara majikan dengan pekerja.

Mengenai waktu bekerja pula. Kaola sukacita untuk menambah bahawa waktu bekerja dalam sektor swasta dikawal oleh peraturan-peraturan syarikat yang telah ditetapkan oleh syarikat atau majikan sendiri. Walau bagaimanapun, menurut undang-undang yang mengawal selia yang berhubung kait dengan waktu bekerja adalah Bab 65 Perintah Kerajaan Kod 009. Secara amnya dinyatakan bahawa waktu bekerja tidak lebih 8 jam sehari atau 44 jam seminggu.

Manakala peraturan waktu bekerja dalam sektor kerajaan dikawal selia oleh Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 *General Order* Perintah Am khususnya ditambahkan Peraturan-Peraturan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Kelakuan dan Tatatertib Peraturan 4 yang menyatakan waktu bekerja biasa adalah 7 1/2 jam sehari menjadikan waktu bekerja seminggu 37 1/2 jam seminggu.

Berkaitan dengan Penguatkuasaan. Kaola ingin menyatakan bahawa kesalahan bekerja lebih daripada 8 jam sehari dan melebihi 44 jam seminggu pada tahun 2017, didapati melalui Operasi Buruh, 49 majikan melakukan kesalahan melanggar Akta Buruh dan dari Operasi Bersepadu 18 majikan telah melakukan kesalahan menjadikan jumlahnya 67 majikan yang melakukan kesalahan.

Oleh yang demikian, sebagaimana yang kaola nyatakan semalam bahawa mana-mana pekerja yang mendapati mereka itu bekerja lebih masa bolehlah melaporkan kepada Jabatan Buruh, kalau waktu bekerja melalui telefon 2381348 di luar waktu bekerja melalui telefon 7298989.

Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita menyambung semula untuk membincangkan Tajuk Kementerian Pendidikan.

Sebelum itu saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu semasa membahaskan Tajuk-Tajuk dalam Rang Undang-Undang ini, walaupun sesuatu pandangan atau sesuatu keadaan itu nampaknya logik dan sedap disebut maka biarlah perkara-perkara yang berkenaan itu berpatutan dan kita menumpukan kepada perkara-perkara utama yang timbul dalam Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini.

Kita masih mempunyai banyak waktu disebabkan Rang Undang-Undang Perbekalan ini perlu dengan secepatnya kita luluskan bagi membolehkan pihak kerajaan meneruskan operasinya. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Yang Berhormat Pengerusi, kaola membawa SF01A - Kementerian Pendidikan. *As a whole of nation*, setiap vokasional dan teknikal dan universiti-universiti Negara Brunei Darussalam, kaola suka mencadangkan salah sebuah pusat pendidikan iaitu *IBTE* Wasan yang mempunyai kawasan yang luas supaya pihak swasta dibolehkan membuat projek pertanian atau perikanan atau apa jua yang bersesuaian dalam kawasan *IBTE* tersebut secara *joint-venture* dengan penuntut-penuntut atau tenaga-tenaga pengajar atau *IBTE* sendiri dalam tempoh yang dipersetujui bersama mengikut bidang masing-masing dan menjadi usaha komersial dan sumber pembelajaran secara realiti. Perkara ini dicadangkan jika ada pihak swasta yang berminat dengan cara *request by proposal* atau dibukakan secara tawaran. Ia juga boleh dijadikan sebagai skim inkubator kepada penuntut-penuntut.

Dicadangkan Skim Bantuan Pembiayaan Pendidikan (SBPP) juga dibukakan kepada penuntut-penuntut yang ingin memasuki pendidikan pra universiti seperti *HND*, *OND* dan lain-lain dan yang sebanding dengannya di sektor pendidikan kerajaan dan swasta yang tidak mendapat keputusan yang layak mendapatkan biasiswa kerajaan. Ini boleh membantu penuntut-penuntut berkenaan supaya tidak terkandas.

Malahan insya-Allah dapat melanjutkan ke pendidikan universiti.

Mengikut maklumat para penuntut yang menyambung pendidikan *master* dan *degree* pada masa kini tidak mendapat Elaun Pelajaran kepada penuntut-penuntut yang berumur 25 tahun ke atas. Persoalannya mereka masih sangat memerlukan Elaun Pelajaran tersebut.

Muzium-Muzium Brunei menjadi tempat rujukan dan penyelidikan orang awam, penuntut, guru-guru dan para penyelidik dari luar negara. Setiap tahun pihak muzium menerima penuntut dan graduan universiti untuk penempatan kerja. Dicapadangkan supaya Kementerian Pendidikan dengan kerjasama pihak Muzium untuk memasukkan kurikulum atau pengajian pemuziuman (*Museum Study*) di peringkat universiti tempatan sebagai langkah sokongan kepada kursus akademik di universiti-universiti Negara Brunei Darussalam. Subjek yang dimaksudkan merangkumi bidang *autonographist* atau kaji bangsa, arkeologi dan arkib serta kursus pemeliharaan dan pengendalian koleksi bahan budaya dan teknik pameran *as a whole nation*.

Kesedaran dan aspirasi kita kepada sejarah dan tradisi budaya dan khazanah warisan adalah penting. Adakah pada masa kini pendidikan kemahiran diberikan di peringkat pengajian pra dan universiti? Jika belum ada dicadangkan setiap peringkat pra dan universiti supaya digalakkan

atau diberikan pendidikan kemahiran di samping pengajian masing-masing. Ini boleh membantu penuntut-penuntut untuk menjadikan mereka juga mahir dalam bidang kemahiran mengikut kesukaan masing-masing bagi persiapan kehidupan alam dewasa dan masyarakat.

Apakah ada Akta Wajib Persekolahan sehingga ke peringkat 'O'? Jika ada dicadangkan akta wajib berkenaan dilaksanakan sehingga penuntut-penuntut mengikuti peperiksaan peringkat 'O'. Tiada alasan warganegara Brunei tidak berpendidikan ke peringkat berkenaan kerana negara mengamalkan pendidikan percuma malahan diberikan kemudahan seperti pengangkutan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas soalan-soalan yang diutarakan.

Cadangan untuk memberikan peluang pihak swasta untuk *joint-venture* dengan *IBTE* di Kampus Wasan dapat dipertimbangkan dan dapat dirundingkan jika ia bertepatan dengan tujuan mengapa *IBTE Campus Wasan* itu ditubuhkan. *So, it has an educational value along with* jika ini dipersetujui

nanti ada *commercial valuenya* dapat dipertimbangkan Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai dengan SBPP ini, ia dibukakan kepada peserta-peserta yang akan menuntut di dalam dan di luar negeri. Ia dapat dipohonkan tetapi ia punya syarat seperti yang disoal juga pada minggu lepas oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari itu berkenaan dengan *pointsnya* yang memerlukan 240 *points* itu. Ia sebenarnya dibuat untuk menjaga kepentingan peserta skim ini dari dua aspek. Yang pertama ialah dengan mengadakan syarat *point* itu 240, ia memastikan peserta skim tersebut mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk menamatkan pengajiannya dengan jayanya.

Syarat minimum kemasukan ke universiti-universiti yang terkemuka di luar negara secara puratanya ialah 240 *points*. Ini untuk memastikan peserta skim ini akan memperolehi pengajian dan kelulusan yang berkualiti tinggi dari universiti-iniversiti terkemuka di luar negara. Semuanya ini, *task scheme* memastikan pinjaman. Pinjaman atau *another words* hutang yang dibuat oleh para peserta yang perlu dibayar balik nanti berbaloi dan ini sebenarnya dibuat untuk kepentingan peserta skim.

Mengenai Elaun Pelajaran abiskaola kurang jelas dengan soalnya. *I think we can revert back* arah Yang Berhormat apa maksudnya Elaun Pelajaran ini ada yang tidak

menerimanya dan ini perlu penyiasatan kalau ada benar atau tidak ataupun ada kelambatan sahaja.

Mengenai diadakan Kursus *Museum Studies* atau *autonographist*. Perkara ini perlu diselidiki mengenai *demand* dan *supplinya*, adakah benar ia diperlukan dan apakah ia akan menjanjikan peluang pekerjaan nanti. Bukannya kitani membuat kursus tanpa memikirkan *demandnya*, lagipun kalau mengadakan kursus ini kosnya tinggi, ia harus memerlukan pakar-pakar ataupun pensyarah-pensyarah dan ia punya infrastruktur lain lagi. Ia hanya untuk setakat segelintir orang ataupun tidak banyak pelajar yang berminat dalam bidang ini. Ia tidak akan berbaloi dari segi *investmentnya* yang kitani buat dalam pendidikan tinggi dalam bidang ini memerlukan penyelidikan lagi.

Mengenai dengan kursus kemahiran prauniversiti ataupun di universiti. Sebenarnya dalam sistem pendidikan kitani, di peringkat menengah kalau bahagian kemahiran ini ialah di *IBTE* dan selepas itu pelajar-pelajar ini boleh menyambung ke Universiti Teknologi Brunei yang ada kesinambungan yang memberikan kursus-kursus yang mengutamakan kemahiran dan juga dari segi akademiknya.

Mengenai Akta Wajib. Ini perlu penjelasan lagi dari soalan itu. Memang kitani telah menguatkuasakan Akta Wajib dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** belum ada yang didakwa dalam akta ini kerana disebabkan kitani membuat pertimbangan dan mengambil kira

mengapa kadang-kadang kanak-kanak tidak dihantar ke sekolah adakalanya sebab pengangkutan atau yang lain. Sebab itu, kitani ada fasiliti pengangkutan murid-murid sekolah supaya mengelakkan ibu bapa ini didakwa. Kesedaran ibu bapa tentang akta ini telah pun difahami dan diharapkan ia akan berterusan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunissa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunissa binti Awang Haji Ash'ari: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Merujuk kepada Tajuk SF01A. Sektor Pendidikan berpotensi untuk menjadi salah satu penyumbang kepada keluaran negara kasar (*KDNK*) dengan menarik penuntut luar negara untuk melanjutkan pelajaran di Brunei;

Kaola ingin mengetahui: Adakah terdapat peningkatan pelajar antarabangsa persendirian ataupun *paid international student* di institusi pendidikan tinggi di negara dalam tahun-tahun kebelakangan. Dalam era globalisasi dan ketegangan ekonomi masa kini, kita tidak dapat terlalu beroperasi secara *business as usual*;

2. Apakah inisiatif institusi-institusi ini untuk menarik penuntut persendirian dari luar negeri dan menjadikan Brunei Darussalam destinasi melanjutkan pelajaran. Sebagai contoh *Attache* Pendidikan Brunei yang ditugaskan di luar negeri sepatutnya bukan sahaja bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan pelajar brunei di luar negara tetapi pada masa yang sama aktif mempromosikan institusi-institusi pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu, pihak kementerian juga boleh melihat dari segi mempermudah permohonan visa dan juga memudahkan pencarian informasi-informasi yang berkaitan bagi menggalakkan pelajar-pelajar yang berpotensi untuk membuat keputusan menyambung pelajaran di Negara Brunei Darussalam; dan
3. Merujuk kepada Tajuk SF01A juga. Adakah penurunan syarat kemasukan *IBTE* mempengaruhi prestasi pelajar disebabkan ramai yang tidak meneruskan pembelajaran dan terpaksa berhenti ataupun mengulang kursus mereka. Jika benar. Adakah *IBTE* merancang untuk membuat perubahan seperti kursus persediaan dan sebagainya bagi memastikan pelajar-pelajar ini dapat menampung kursus yang diambil?

Terima kasih.

Yang Berhormat Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunissa binti Awang Haji Ash'ari.

1. Mengenai inisiatif pendidikan tinggi untuk menarik pelajar dari luar negeri ini secara berterusan ia dilakukan melalui penyertaan ekspo pendidikan di luar negara dan jua melalui dengan *website* mereka yang telah dibuat untuk pelajar-pelajar di luar negara yang ingin mengetahui apa yang ditawarkan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** ada peningkatan kemasukan penuntut-penuntut luar negara ke Brunei tertutamanya melalui *exchange programme* ataupun melalui program-program yang berupa *study abroad* program di universiti berkenaan.

Untuk makluman, *the latest figure* mengenai *international student* di negara ini di peringkat tinggi ialah 336 dan ia akan dapat dipertingkatkan lagi. Memang ada inisiatif telah dibuat mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kemasukan *international student* ini.

Ada satu jawatankuasa mengenai *Education Cluster* yang diterajui Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan jawatankuasa ini bertumpu kepada pendidikan menengah dan pendidikan tinggi dengan tujuan

untuk meningkatkan lagi kemasukan ini dan seterusnya untuk meningkatkan *contribution on our GDP*. *Target* telah pun diset dengan persetujuan para ahli yang melibatkan sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di peringkat menengah dan pengajian tinggi, dan Jawatankuasa ini telah pun memikirkan bermacam-macam perkara seperti visa adakah penuntut-penuntut luar negara dibenarkan bekerja di Brunei dalam masa yang terhad. Macam-macam lagi untuk menarik mereka belajar di negara ini dengan selesa dengan kemudahan-kemudahan yang ada seperti mana yang terdapat di luar negara bagi *International student*;

2. Mengenai *IBTE*. Adakah perubahan kemasukan itu mempunyai impak perubahan pada syarat bagi meningkatkan peluang kemajuan dalam *progression opportunity for student* selaras dengan dasar Sistem Pendidikan Negara 21? *IBTE* telah pun mengkaji dan mengubah struktur pembelajaran dan latihan yang sedia ada kepada kaedah latihan berasaskan kemahiran ataupun *competency best training*.

Ini, dilaksanakan dengan memperkenalkan program-program baru yang disasarkan kepada pelajar-pelajar yang telah tamat tahun 11. Syarat kemasukan bagi program-program *IBTE* itu di peringkat *National Technical Education Certificate (HNTec)* ialah untuk lulus 'O' Level manakala

bagi program di peringkat *Higher National Technical Education (HNTec)* adalah 3 'O' Level.

Setakat ini, perubahan tersebut tidak menjejaskan kualiti pengeluaran pelajar kerana kokurikulum yang digunakan berasaskan *competency base* yang lebih cenderung kepada praktikal berbanding dengan akademik. Dengan perubahan tersebut *IBTE* telah mencapai pengiktirafan antarabangsa seperti pengiktirafan Sekolah Tenaga dan Kejuruteraan *Satellite* iaitu *IBTE* Kampus Sultan Bolkuah sebagai pusat *The Welding Institute* bagi menjalankan kimpalan (*welding*).

IBTE, pada masa ini juga sedang dalam perancangan dan penelitian bagi mendapatkan pengiktirafan *International Minimum Industry Safety Training* dan *International Maritime Organisation (IMO), Programme Maritime* dan juga *Brunei Aviation Regulation 1 (BAR 1)* untuk program-program *aviation*.

Setakat ini, perubahan syarat kemasukan ini telah membuat impak kemasukan yang positif iaitu trend jumlah kemasukan atau *enrollment IBTE* telah meningkat sejak transformasinya dan semua kampus di bawah *IBTE* dapat menampung kapasiti maksimum sejumlah 4,100 orang bagi keseluruhan pengambilan. Walau bagaimanapun, dengan kapasiti yang terhad dan jumlah pemohon semakin meningkat *IBTE* hanya

berupaya untuk mengambil seramai lebih kurang 40% pemohon setiap tahun. Untuk menangani isu ini, *IBTE* telah pun membukan pengambilan secara *staggered enrollment* iaitu pada bulan Julai, September dan Januari tertakluk kepada keperluan dari pihak industri. Sekian sahaja yang dapa dijawab bagi soalan-soalan yang diusarakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunissa binti Awang Haji Ash'ari. Mana-mana yang belum dapat dijawab akan dijawab kemudian.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

dan salam, sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh di bawah Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan.

Kaola menyokong penuh inisiatif Kementerian Pendidikan mengenalkan Program *BTEC* di sekolah-sekolah menengah bermula dari tahun 2011. *BTEC* ertinya *Business and Technology Council*. *BTEC* khas untuk penuntut *special apply programme*, penuntut yang tidak yakin untuk mendapatkan 'O' Level. Cara

pembelajaran adalah *hands on activity 100% houseworks (no homework, no classwork)*. Program *BTEC* mengajar *independent learning program*. Program yang ada ialah *art and design, information technology, business administration, hospitality industry and sport*. Program ini dijalankan di 30 buah sekolah menengah kerajaan bersama dengan penuntut-penuntut yang akan menghadapi peperiksaan 'O' level dan penuntut-penuntut yang menghadapi penilaian *BTEC*. Tenaga pengajar pula, ada yang mengajar 'O' level dan *BTEC* sekali gus.

Cadangan kaola ialah:-

1. Supaya diwujudkan sebuah bangunan ataupun kampus khusus bagi pengajian program-program *BTEC* bagi mengasingkan mereka dari penuntut yang belajar akademik. Dengan itu penuntut dapat belajar dengan selesa dan teratur. Penuntut akan merasa yakin dengan suasana persekolahan yang sesuai dengan kursus mereka dan dapat membangun kapasiti kemahiran penuntut dengan lebih selesa.

Guru-guru pula dapat fokus mengajar satu jurusan sahaja sama ada 'O' level ataupun *BTEC*. Sebab ada guru mengajar 2 bidang sekali gus. Ini sangat merumitkan kerana 'O' level jurusan akademik manakala *BTEC* jurusan teknikal. Cara pengajaran adalah berbeza. *BTEC* lebih banyak menggunakan *computer, research and assignment* kerana sumber *text books* yang

terhad. Dengan adanya sebuah bangunan khusus itu nanti maka penempatan penuntut-penuntut *BTEC* dapat menjimatkan bajet berbanding dengan kepada 30 buah sekolah menengah kerajaan yang menawarkan program yang sama;

2. Apakah fungsi bangunan Sekolah Rendah Rampayoh, Mukim Labi setelah ianya ditutup; dan
3. Dalam pemeliharaan bangunan dan asset. Apakah ada bajet Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 memasukkan rancangan membaik pulih bangunan sekolah-sekolah teknikal dan vokasional seperti Kampus Sultan Saiful Rijal dan lain-lain untuk diperbaiki kerana bangunan tersebut mengalami kebocoran dan memerlukan pembaikan.

Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd.Siput atas soalan-soalan yang telah pun diutarakan:-

1. Mengenai cadangan mengadakan kampus khusus untuk *student* yang mengambil *BTEC* ini, ia harus diteliti atas kesesuaiannya dan jua harus difikirkan. Sekolah-sekolah yang mempunyai *hybrid* yang *student* mengambil 'O' level dan *BTEC* ini,

harus difikirkan jua berapa banyak sebenarnya *BTEC student* ini dan di mana di tempatkan kerana ia meliputi 4 daerah. Ia memerlukan infrastruktur yang lebih, kalau difikirkan secara seluruh negara, tapi ia disambut baik, akan diteliti mengenai cadangan ini;

2. Mengenai pembaikan infrastruktur ini, seperti yang kaola cakapkan dalam mukadimah kelmarin, ia telah pun diambil kira, tapi untuk menjawab kalau diizinkan jua oleh Yang Berhormat Pengerusi, akan dijawab lebih panjang sedikit dan selepas itu kalau dapat mana-mana soalan mengenai infrastruktur ini dapatlah kita berunding secara bilateral untuk melicinkan lagi perbincangan dalam Jawatankuasa ini.

Kementerian Pendidikan mempunyai pangkalan data yang komprehensif mengenai sekolah-sekolah dari peringkat sekolah rendah, menengah, vokasional, tingkatan VI dan juga universiti yang memerlukan pembaikan, kalau dapat dirundingkan.

Untuk penjelasan isu *maintenance* di institusi pendidikan menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan apatah lagi bila ia melibatkan isu keselamatan dan keselesaan para pelajar.

Dalam hubungan ini, Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan pemeriksaan dan penilaian keadaan infrastruktur

bangunan di semua sekolah kerajaan di negara ini. Pemeriksaan dan penilaian bersama agensi kerajaan yang berkepentingan juga telah dilaksanakan seperti pemeriksaan dan pemantauan *fire safety order* dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pemeriksaan struktur bangunan dengan Jabatan Kerja Raya.

Berdasarkan dapatan-dapatan pemeriksaan tersebut, satu pelan tindakan telah disediakan bagi mendukung usaha membaik pulih dan menaik taraf secara lebih komprehensif. Ini sudah setentunya memerlukan keperluan sumber peruntukan yang besar dengan mengambil kira faktor jangka hayat bangunan, aspek keselamatan, keperluan berkaitan dengan pematuhan kepada Akta-Akta dan Piawaian terkini yang berkuat kuasa, kehendak pedagogi pendidikan yang mendukung pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara dan keperluan pembaikan atau menaik taraf infrastruktur secara menyeluruh bagi tujuan menyelaraskan pelan tindakan dan cadangan-cadangan yang akan dilaksanakan.

Dengan sumber peruntukan yang diluluskan, pihak Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti 5 kriteria utama dalam memberikan panduan keutamaan pelaksanaan seperti berikut:-

i. Keselamatan: Iaitu ke arah memastikan persekitaran bebas

daripada risiko bahaya atau kecederaan kepada warga sekolah atau pengguna bangunan. Pematuhan kepada isu *health and safety* menjadi faktor utama dalam menilai pelan bertindak dan perlu dikendalikan dengan segera dan sewajarnya;

ii. Pembaziran: Iaitu ke arah memastikan pelan tindakan bersesuaian bagi mengelakkan pembaziran kepada kerajaan atau potensi kepada kos pembaikan yang meningkat jika tidak ditangani segera;

iii. Kesihatan: Iaitu ke arah memastikan persekitaran bersih, sehat dan bebas daripada pencemaran demi memastikan kesejahteraan warga institusi Pendidikan;

iv. Keselesaan: Iaitu ke arah memastikan persekitaran kondusif bagi mengadakan sesi pembelajaran dan pengajaran termasuk memastikan kesesuaian tahap ventilasi dan pencahayaan; dan

v. Penglihatan. Iaitu ke arah memastikan prasarana dan persekitaran menarik dari segi statik bangunan.

Dalam kesempatan ini juga dikongsikan sekali lagi bahawa Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti 20 jenis projek khusus untuk dilaksanakan mengikut keutamaan

termasuk perbaikan longkang, jalan raya, penggantian dan pemasangan pagar keliling, penggantian dan pemasangan jubin dan lain-lain.

Seperti yang telah dijelaskan mukadimah kaola meliputi seluruh peringkat pendidikan telah pun dikongsikan berapa banyak sekolah yang perlu perbaikan itu, dan jika diizinkan oleh Yang Berhormat Pengerusi jua kalau dapat isu mengenai infrastruktur ini dapat kita berunding secara bilateral. Kalau ada soalan-soalan mengenai di sekolah mana, di daerah mana dan apa sebab Kementerian Pendidikan mempunyai pangkalan data yang komprehensif; dan

Mengenai Sekolah Rendah Rampayoh yang telah ditutup, kaola akan menjawabnya kemudian.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Izinkan saya ingin untuk memberi sokongan dalam usaha Kementerian Pendidikan dalam menyediakan tadi ada yang disebut Yang Berhormat jua mengenai *maintenance* dan penyelenggaraan, sekali lagi saya menyambut baik usaha itu.

Saya ingin menyentuh 2 perkara iaitu Tajuk SF01A - Pengurusan dan Perancangan Sumber Tenaga Manusia:-

1. Berapakah peruntukan diberikan untuk membantu pembangunan kapasiti serta meningkatkan kemahiran dan kelulusan guru-guru yang dikira *non graduate teachers* seperti Pembantu Guru dan guru-guru yang masih mempunyai kelulusan diploma ataupun sijil di sekolah-sekolah kerajaan? Dimaklumi juga bahawa UBD dan UTB memberi pilihan untuk membuat *blended learning* dan *Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education* di UBD ada menyediakan *Master of Teaching* mahupun *Master of Education*. Namun 2 perkara ini memerlukan:-
 - i. Sarjana Muda iaitu *Bachelors degree* sebagai syarat kemasukan minimum; dan
 - ii. Peruntukan untuk membiayai pengajian-pengajian ini.
2. Perkara yang ingin saya sentuh ialah menurut *ASEAN Qualification Reference Framework (AQR)* ia mengiktiraf kelayakan pendidikan dan teknikal antara negara-negara ASEAN. Ia adalah untuk memudahkan *free movement of labour* di rantau ASEAN. Ini saya rasakan menarik kerana pekerja tempatan kita dapat memperolehi pengalaman kerja di negara *ASEAN* yang lain. Apakah status mengenai

perkara ini bagi Negara Brunei Darussalam?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai soalan-soalan tadi. Mengenai Peruntukan Pembangunan Kapasiti bagi *non-graduate teachers* pada masa ini, abis kaola ingin menjelaskan bahawa peningkatan kelulusan akademik mereka dilakukan melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Oleh itu, kaola tidak dapat memberi jumlah sebenarnya peruntukan yang ada dan mungkin Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad bolehlah merujuk terus kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk perkara ini. Kaola ingin memaklumkan sahaja, bahawa seramai 325 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan telah pun mengikuti LDP ini, dalam dan luar negeri bagi Sesi Akademik 2014 hingga 2018 dan kursus-kursus yang diikuti dari peringkat Diploma hingga Ijazah Falsafah Kedoktoran.

Di samping itu juga, kaola ingin mengongsikan bahawa Kementerian Pendidikan telah diberikan peruntukan Peningkatan Kemahiran Sumber Manusia untuk tahun 2018 dan 2019 sebanyak \$775,000.00 dan ini juga tidak termasuk dengan Program

Pembangunan Profesional Guru-Guru di bawah Akademi Guru Brunei Darussalam ataupun *BDTA*. Untuk soalan tersebut itu sahaja yang dapat dijawab.

Mengenai *ASEAN Qualification Reference Framework (AQRF)* ini. Ia telah diendorse oleh *ASEAN Economic Ministers* pada Ogos 2014, *ASEAN Education Minister's (ASEM)* pada September 2014 dan *ASEAN Labour Minister* melalui *ad afferandum* dari November 2014 hingga Mei 2015.

Dengan tertubuhnya *AQRF* ini, satu badan yang dinamakan *AQRF Committee* telah ditubuhkan yang diberi mandat untuk melaksanakan *AQRF* dalam kalangan negara-negara *ASEAN* dengan membuat perancangan aktiviti serta pelan tindakan strategik jangka masa pertengahan hingga jangka masa panjang.

Setakat ini, yang dilakukan di peringkat *ASEAN* ialah Pembangunan Kapasiti terutamanya dalam *aspect referencing criteria* masih dilaksanakan bagi memastikan *AQRF* ini dapat dirujuk dan digunakan dengan sebaiknya oleh mana-mana negara *ASEAN* demi mendukung hasrat pembangunan komuniti *ASEAN*. Harus juga diingati bahawa dengan adanya nanti perkara ini secara positifnya ia akan memberikan peluang bagi orang-orang kitani untuk menimba pengalaman kerja di negara *ASEAN* dan sebaliknya boleh juga berlaku untuk warganegara *ASEAN* lain untuk menimba pengalaman bekerja di Brunei. Harus diingati, bahawa

competition now is raising because of that. Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ
 dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola membawa Tajuk SF10A - Kementerian Pendidikan Kod 003/000 iaitu Pendidikan Rendah Ceraian Kod 003/004 Pemeliharaan Bangunan dan Aset. Jumlah Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019 sebanyak \$1,052,573.00.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada menjelaskan tadi iaitu:

1. Mengenai persekitaran sekolah yang selamat. Di Dewan yang mulia ini, kaola membawa mengenai mencantikkan kawasan sekolah dengan landskap yang dihiasi taman bunga-bunga, arca batu-batan dan kolam sememangnya suatu usaha yang baik untuk menceriakan kawasan sekolah, tetapi menjadi kebimbangan sesetengah ibu bapa dan penjaga murid.

Adakah pihak Kementerian Pendidikan memikirkan untuk menyediakan garis panduan atau peraturan dari segi keselamatan

terhadap pembinaan landskap atau taman-taman hiasan terutama bagi sekolah-sekolah rendah dan tadika yang terdiri daripada kanak-kanak yang aktif bermain dan berlari-lari iaitu satu tabiat semula jadi mereka. Kita ada melihat sesetengah sekolah-sekolah mempunyai hiasan taman yang menyebabkan kawasan menjadi sempit. Dalam keadaan dan tingkah laku murid-murid seperti ini kejadian tidak disangka dan malang tidak berbau kemungkinan akan berlaku kemalangan di taman hiasan tersebut seperti tumbang, terhempap batu, terjatuh dan sebagainya.

Oleh itu, disarankan reka bentuk pembinaan hiasan sekolah ini perlu diambil perhatian dan pihak sekolah perlu merujuk kepada pihak yang lebih arif berkaitan dengan keselamatan taman hiasan sebelum pembinaan dilaksanakan; dan

2. Dalam Peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan iaitu khusus bagi kegunaan guna sama kepada semua kementerian. Peruntukan sebanyak \$15 juta telah disediakan kepada Kementerian Pendidikan untuk mendatangkan tenaga pakar dan pengajar mahir luar negeri untuk literasi dan numerasi. Soalan kaola:
 - i. Dapatkah kiranya Yang Berhormat Menteri Pendidikan

- menjelaskan mengenai keperluan peruntukan ini?;
- ii. Telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan menerusi mukadimah kelmarin bahawa tenaga pakar dan pengajar dari luar negeri yang diperlukan untuk literasi dan numerasi tersebut ialah seramai 60 orang. Berapa lamakah Kementerian Pendidikan menggunakan kepakaran dan kebolehan mereka untuk memperbaiki literasi dan numerasi di negara ini?; dan
 - iii. Jika tenaga pakar luar negeri ini telah dikembalikan apakah usaha Kementerian Pendidikan untuk menambah keramaian anak-anak tempatan yang pakar dan berkemahiran dalam bidang berkenaan.?

Sekian sahaja dari kaola Yang Berhormat Penegrusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai soalan-soalan tadi. Menyentuh mengenai cadangan garis panduan untuk sekolah membuat taman bunga-bunga itu, ia diambil maklum dan disambut baik atas cadangan itu.

Untuk makluman pada masa ini di sekolah-sekolah yang akan membuat perkara itu maka kerjanya akan diteliti oleh Jabatan Perancangan dan

Pengurusan Estet di Kementerian Pendidikan. Buat masa ini ada garis panduan yang belum lengkap seperti tidak membenarkan sekolah membuat kolam kerana ia berbahaya. Dalam masa ini, difikirkan apa lagi garis panduannya secara kondusif dapat dibuat mengenai perkara ini.

Mengenai literasi dan numerasi ini, harus difahami ia adalah satu program membangun kapasiti anak tempatan untuk mahir menjadi pembimbing literasi dan numerasi. Pakar-pakar dari luar negeri yang sebanyak 60 orang itu ditugaskan untuk melatih anak tempatan menjadi pembimbing (*local coach*) nanti. Dengan ini, kita sendiri ada kapasiti melatih lagi guru-guru lain dalam bidang ini dan ia *replicating*, program ini satu program yang baik dengan tujuan utamanya ialah membina kapasiti sendiri untuk membimbing ataupun untuk menjadi *coach* nanti dan akan melatih guru-guru kitani semua untuk mahir dalam mengajar *literacy* dan *numeracy* ini.

Pakar-pakar luar negeri ini hanya akan diperlukan sehingga kontraknya pada Tahun 2019 ini sahaja. Selepas itu dijangkakan 120 pembimbing tempatan akan dilatih secara sepenuhnya dan mereka ini akan membuat program ini secara berterusan untuk melatih lagi guru tempatan kitani menjadi *coach* juga. *It is save reflecting* dan ia usaha untuk kitani mempunyai kapasiti secara berterusan. Sekian sahaja yang dapat diberikan jawapannya Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Bebanan guru antara tugas mengajar dan pentadbiran, dicadangkan agar guru diberi tanggungjawab yang lebih berfokus pada pengajaran dan pembelajaran yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik. Ini usaha-usaha bagi mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam akademik semakin giat dilaksanakan dengan adanya berbagai-bagai program yang diadakan di setiap sekolah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan bagi merealisasikan perkara tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti apa yang dimahukan kerana bebanan guru terlalu berat antara mengajar dan mentadbir. Ada juga program tersebut dapat dilaksanakan seperti yang dirancang tetapi tidak mencapai apa yang diharapkan.

Tugas pentadbiran yang selama ini menjadi budaya bahawa guru perlu memegang jawatan tersebut untuk menerajui pentadbiran sekolah. Perlu difikirkan semula mungkin tugas tersebut dapat diserahkan kepada graduan-graduan mengikut bidang masing-masing yang masih belum mendapat kerajaan.

Perkara ini sekali gus memberi peluang dan ruang kepada graduan yang tidak mempunyai pekerjaan untuk berbakti kepada kerajaan sekaligus dapat mengurangkan peratus pengangguran di Negara Brunei Darussalam.

Dengan secara langsung para guru dapat fokus untuk menjalankan tugas mereka untuk mendidik anak bangsa ke arah yang lebih maju dan berguna pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun disarankan juga agar program-program yang dirancang bagi mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar perlu diukur semula agar tidak terlalu membebankan para guru. Program-program yang terlalu banyak dirancang kadang-kadang hanya sekadar ingin memperlihatkan pembaharuan yang dilakukan oleh sebuah sekolah atau organisasi-organisasi tetapi akhirnya tidak mencapai objektif utama dalam pengajaran iaitu mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam kelas dan seterusnya mempertingkatkan pencapaian penuntut dalam akademik.

Selain itu, dicadangkan tambahan peruntukan bagi bekalan kertas-kertas ke sekolah-sekolah. Perkara ini penting bagi memberikan nota-nota untuk para murid dan pelajar sekali gus mengurangkan aduan ibu bapa masalah ketiadaan nota bacaan tambahan anak-anak mereka. Seterusnya meringankan bebanan kewangan para guru menyediakan fotokopi nota.

Untuk makluman di kedai sekeping nota berharga 3 sen bayangkan satu tajuk pengajaran guru menyediakan 100 hingga 300 keping malahan lebih untuk kelas-kelas yang mereka ajar sudah pasti membebankan para guru.

Bekalan kertas di sekolah-sekolah terhad. Pihak sekolah terpaksa mengehadkan penggunaan kertas kepada guru-guru yang guru-guru akhirnya terpaksa membeli kertas sendiri ataupun membuat fotokopi di kedai-kedai.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai soalan-soalan yang telah diberikan itu tadi:-

1. Soalan mengenai dengan beban guru ini. Untuk makluman bersama perkara ini balik-balik kena *raise* di Dewan ini dan ia telah pun di *raised* dulu pada tahun 2016 dan 2017 dan pada masa ini masih juga di *raise* lagi. Jawapannya agak sama juga sedikit. Arahannya ini diperkenalkan sejak 6 Oktober 1997 kepada guru-guru yang dilantik untuk mengadakan Bahagian Pentadbiran dan dalam arahan itu, beban mengajar itu dikurangkan setaraf dengan apa tugas pentadbiran yang dilakukannya.

Mereka mengajar seperti biasa dan juga membuat kerja-kerja pentadbiran. Dari pihak Kementerian Pendidikan pengurangan itu berpatutan dan secara *detailnya* akan dikongsikan nanti. Tetapi untuk maklumat setiap guru yang diperuntukkan mengajar sebanyak 30 *periods* ini beban bagi mengajar sahaja. Soalan tadi beban mengajar dan pentadbiran.

Untuk pengetahuan bersama data yang ada pada Kementerian Pendidikan mengenai beban mengajar dari guru kitani, sebanyak 6095 orang yang terlibat mengajar dan pembelajaran di peringkat rendah hanya seramai 9.2% yang mengajar dengan bebanan mengajar 30 *periods* seminggu ke atas. Di peringkat menengah dari seramai 3121 orang tenaga pengajar hanya 4.5% yang memiliki bebanan mengajar 30 *periods* seminggu. Itu data yang dapat dikongsi.

Bagi guru-guru yang diberi beban mengajar dan juga tugas pentadbiran ini, sebenarnya adalah salah satu usaha Kementerian Pendidikan yang telah pun mengenal pasti guru-guru yang berpotensi untuk menjadi pemimpin sekolah. Ia diberikan peluang untuk mempamerkan potensi mereka sama ada dapat membuat pentadbiran berkenaan.

Ini adalah *part of succession planning* dari jangka masa yang panjang dan juga sederhana agar

sekolah-sekolah itu nanti dapat dipimpin oleh guru yang dapat memimpin dengan baik dan juga mengajar. Perkara ini balik-balik di *raised* dan juga sudah berkali-kali dijawab.

Perkara ini memang diambil berat oleh Kementerian Pendidikan dan dibuat juga perbandingan dengan negara-negara jiran seperti Singapura dan Malaysia iaitu kedua-dua buah negara tersebut jumlah *periods* mengajar guru secara purata kalau mengikut jam, 17.1 jumlah jam seminggu manakala di negara kita pula jumlah *periods* mengajar guru-guru secara purata adalah 12.5 jam seminggu.

Dengan ini, kitani lebih rendah lagi daripada negara-negara jiran yang mempunyai sistem pengajaran yang lebih kurang dengan kitani. Kaola ingin juga mengatakan bahawa Kementerian Pendidikan khususnya Jabatan Sekolah-Sekolah mengambil berat akan hal-ehwal para guru dan mengamalkan *flexibility* dalam isu bebanan mengajar 30 *periods* setiap minggu ini.

Mana-mana guru yang merasa mereka dibebankan mengajar di samping tanggungjawab yang lain mereka bolehlah berunding dengan Pengetua dan Guru Besar masing-masing kerana ini isu pentadbiran dalaman sekolah masing-masing. Kita yakin pihak sekolah ingin melihat semua gurunya dan kakitangannya berasa

selesa mengajar di sekolah berdasarkan keupayaan guru-guru tersebut tanpa dibebankan dengan tanggungjawab yang mereka fikirkan tidak dapat melaksanakan. Itu saja yang dapat dijawab mengenai soalan itu.

Seterusnya soalan kedua, mengenai bekalan kertas itu, perkara ini diambil maklum dan akan disiasat lebih lanjut lagi oleh Kementerian Pendidikan. Tetapi selalunya sekolah-sekolah di kerajaan kitani mempunyai tabungnya sendiri untuk membeli bekalan kertas ataupun apa saja perkakas pengajaran yang diperlukan yang ada *revenue*nya untuk mereka membeli kertas itu melalui tabung sekolah, selain peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan.

Di sini jua kalau ada usaha-usaha Pengetua ataupun Guru Besar itu sendiri untuk meningkatkan tabungnya itu, Kementerian Pendidikan bersikap terbuka dan menyokong baik jika ia untuk meningkatkan lagi tabung sekolah masing-masing itu. Kewangan yang disimpan tabung sekolah masing-masing itu untuk membeli perkakas ataupun kertas yang diperlukan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 أَسْتَأْذِنُكُمْ وَعَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sehingga hari ini banyak lelasan graduan negara kitani sama ada dari institusi tinggi mahupun luar negeri belum berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan. Mungkin saja salah satu sebabnya kelulusan tidak memenuhi keperluan pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak tertentu.

Persoalannya:

1. Adakah pihak Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti kelulusan-kelulusan yang diperlukan oleh pihak-pihak yang memerlukan. Jika ada bagaimana dengan perlaksanaannya sejauh ini?; dan
2. Apakah Pegawai Pelajaran yang bukannya datang dari pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam dan universiti lain diberi peluang yang sama untuk memegang jawatan Pegawai Pelajaran Kanan, di Kementerian Pendidikan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Lebih dahulu kaola akan menjawab soalan no.2 iaitu Pegawai Pelajaran yang bukannya dari kelulusan tinggi dari luar negeri diberi kesempatan yang sama, peluang yang sama.

Jawapannya ia diberikan peluang yang sama dengan syarat mereka berpotensi untuk menjawat jawatan yang dimaksudkan itu.

Mengenai *Graduate Employment* ini, memang diakui ia satu isu yang mencabar bagi negara ini, yang pihak kementerian mengenal pasti apa kursus yang graduannya belum banyak yang bekerja. Pihak Kementerian Pendidikan melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia telah pun mengenal pasti, kursus di peringkat pengajian tinggi yang mana graduan-granduannya belum ada yang mendapatkan kerja. Pada masa ini melalui majlis tersebut usaha-usaha telah pun dibuat untuk mengurangkan kejadian ini seperti memberikan mereka *employability Skills* seperti *soft scale* dan juga memberikan program *I-RDY (i-Ready)*.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan, perancangan dibuat melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia itu untuk mendapatkan satu sistem dinamakan *Labour Management Information System* yang diusahakan pada masa ini belum lagi *complete* yang dapat memberikan *data* mengenai permintaan (*demand*) dan industri ataupun pihak swasta ataupun mana-mana mengenai pekerjaan yang ada permintaannya.

Kalau sudah ada sistem itu dapatlah intitusi-institusi pengajian tinggi membuat perancangan mereka sendiri mengenai *supplinya*. Buat masa ini, Majlis Perancangan Tenaga Manusia itu bekerja keras untuk mendapatkan *system information* ini dengan

kerjasama dari *International Level Office* (ILO), dan diharapkan ini akan dapat mengurangkan ataupun mengatasi masalah kitani mengenai *graduate employment*.

Implikasinya ialah *certain causes number* akan dikurangkan ataupun ditiadakan nanti untuk memastikan graduan-graduan institusi-institusi tinggi kitani diperlukan di pasar pekerjaan nanti dan menimbulkan ada masalah lain lagi. Ada lagi nanti soalan-soalan daripada Yang Berhormat mengenai itu. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengambil kesempatan mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman sebagai Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Kaola mengambil maklum mengenai pembentangan Peruntukan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam bagi mendukung secara berterusan usaha-usaha kerajaan dalam

menwujudkan peluang pekerjaan dan membina kapasiti sumber manusia.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun meneruskan tambahan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP), sebanyak \$30 juta kepada \$80 juta. Dengan adanya skim ini telah memberikan peluang kepada penuntut-penuntut yang tidak berjaya mendapat biayaan biasiswa ke luar negeri untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan seterusnya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kaola juga difahamkan penuntut yang berjaya melalui skim bantuan tersebut dikehendaki untuk membayar balik kepada kerajaan jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan mengikut tahap pencapaian akademik yang mereka perolehi. Di sini kaola ingin mengajukan beberapa pertanyaan sejak skim ini diperkenalkan:-

1. Berapa ramaikah sudah penuntut yang telah menerima skim tersebut berjaya menamatkan pengajian mereka dan telah kembali ke Tanah Air?;
2. Bagaimanakah cara pembayaran balik kepada kerajaan;
3. Sejauh ini berapa ramaikah penuntut yang telah membuat pembayaran balik tersebut;

4. Adakah pihak Kementerian Pendidikan juga turut memantau pencapaian penuntut berkenaan sepanjang tahun akademik mereka seperti mana penerima biasiswa kerajaan; dan
5. Seterusnya mengenai jawatan-jawatan pengurusan atasan, khususnya institusi pengajian tinggi awam. Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2018, baginda telah menimbulkan persoalan mengenai anak-anak tempatan yang berkelayakan yang tidak berpeluang untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi.

Kaola difahamkan bahawa terdapat Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA) Institusi Pengajian Tinggi Awam telah diperkenalkan bagi tenaga akademik pengajian tinggi awam di Negara Brunei Darussalam.

Soalan kaola:

1. Berapa ramaikah anak tempatan yang berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam telah dialihkan kepada skim tersebut berbanding tenaga luar dalam Skim SPTA tersebut? Adakah keutamaan

diberikan kepada anak tempatan lebih dahulu dibanding tenaga luar?;

2. Berapa ramaikah anak tempatan yang sudah memegang jawatan Penolong Profesor, Profesor Madya dan Profesor dalam Skim SPTA di semua institusi pengajian tinggi awam di negara ini?;
3. Kaola juga difahamkan terdapat beberapa jawatan tinggi di institusi pengajian tinggi awam diisikan oleh *expatriate* luar negeri. Apakah tenaga pengajar dalam kalangan anak tempatan yang berkhidmat di institusi pengajian tinggi tidak berkelayakan atau berkebolehan untuk memegang jawatan berkenaan? Jika peluang tersebut diberikan kepada anak tempatan ia merupakan satu ganjaran (*reward*) dan motivasi kepada tenaga pengajar berkenaan lebih lagi bagi mereka yang telah memberikan sumbangan sama ada dalam pengajaran, penyelidikan mahupun pentadbiran; dan
4. Sebagaimana kita maklum, waktu persekolahan bagi sekolah rendah kerajaan bagi sesi pagi ialah pukul 7.15 pagi hingga 12.15 tengah hari. Manakala bagi sekolah-sekolah menengah kerajaan bagi sesi pagi pula ialah pukul 7.15 pagi hingga 12.20 atau 12.30 tengah hari. Bagi sekolah-sekolah bukan kerajaan yakni swasta pula ada antara sekolah-sekolah swasta berkenaan waktu bersekolah pagi bermula

pukul 7.15 pagi hingga 12.30 atau 12.40 tengah hari.

Soalan kaola: Kenapakah waktu persekolahan bagi sekolah kerajaan dan swasta berlainan dan tidak selaras? Adakah terdapat garis panduan atau peraturan yang berkaitan dengan waktu persekolahan ini selain peraturan dan disiplin institusi pengajian dan asrama?

Di sini kaola ingin mencadangkan ada baiknya waktu tamat persekolahan tersebut dapat diselaraskan bagi semua institusi pendidikan sama ada institusi pendidikan kerajaan mahupun swasta. Ini kerana jika waktu sekolah berkenaan berakhir pada pukul 12.40 tengahari sudah setentunya akan sampai ke rumah kita-kira pukul 1.00 petang. Jika jarak sekolah dan tempat tinggal jauh.

Ini tentunya menyebabkan pelajar itu berebut-rebut untuk makan tengah hari dan bersiap-siap untuk menghadiri sekolah agama yang bermula pada pukul 1.30 petang. Adakalanya pelajar-pelajar berkenaan hanya sempat untuk makan tengah hari di dalam kereta sahaja.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Mengenai Skim Bantuan Pelajaran (SBP) itu pada masa ini skim ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan sejak ia dibukakan pada tahun 2014 dan sejumlah 1,379 orang pelajar telah memohon untuk mengikuti skim ini dan 602 orang telah berjaya dalam permohonan ini.

Mengenai pembayaran balik itu ia diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Jadinya pihak Kementerian Pendidikan belum mempunyai data mengenai berapa orang yang membayar balik yang tidak lulus tersebut. Jadinya kalau dapat nanti dijelaskan oleh rakan sejawatan kaola.

Mengenai jawatan pengurusan di institusi pengajian tinggi ini buat masa ini sebenarnya tidak ada masalah kitani mengenai mana-mana pensyarah-pensyarah ataupun pensyarah-pensyarah tempatan yang berpotensi untuk menjawatnya akan diberikan jawatan itu tapi harus diambil kira bahawa proses kenaikan di institusi pengajian tinggi mempunyai 2 trek:

1. Jawatan Pengurusan; dan
2. Jawatan Akademik seperti Pensyarah-Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor-Profesor.

Untuk menjadi profesor di pengajian tinggi di institusi-institusi tempatan kita ia *di benchmark* melalui *international redoer*. Jadinya, standard ataupun

piawaian kita setaraf dengan institusi-institusi yang berada di luar negara dan untuk mendapatkannya cabarannya kepada pensyarah-pensyarah kita ialah mereka setanding dengan pensyarah-pensyarah di luar negara, untuk menaikkan taraf mereka dari Pensyarah-Pensyarah Kanan hingga ke Profesor.

Dalam pada ini, diharapkan kita akan melahirkan banyak cendekiawan yang berperingkat profesor dan ia mengambil masa. Sebab itulah kita tidak mahu mengganggu mereka dalam proses mereka meningkatkan ilmu dan juga status mereka sebagai seorang profesor.

Kalau diberikan tugas di peringkat pengurusan, ia akan menjejaskan bagi mereka untuk meraih jawatan profesor sebab ia memerlukan *research, publication, consultation* untuk ia dapat diberikan jawatan tersebut. Tapi pada masa ini kalau dilihat di pengajian institusi tinggi kita semua *vice chancellomya* dan kebanyakan jawatan pengurus adalah dalam kalangan orang tempatan.

الحَمْدُ لِلَّهِ mungkin di peringkat *departmental level* juga harus dijawati oleh profesor berkurangan tapi ini menantikan pensyarah-pensyarah tempatan untuk meraih jawatan yang tinggi itu seperti Profesor ataupun Profesor Madya dan ini memerlukan masa. Inilah cabaran macam mana pensyarah-pensyarah tempatan kita akan lebih cepat untuk meraih gelaran tersebut dengan memperbanyakkan *research consultation* dan *research* mereka ini harus diiktiraf secara

antarabangsa. Ia memerlukan standard yang tinggi yang diperakui antarabangsa dan kerja-kerja mereka ini di*decide* oleh pensyarah-pensyarah atau penyelidik-penyelidik lain di seluruh dunia juga untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut. Kebanyakan juga pensyarah-pensyarah kita masih muda-muda dan memerlukan masa untuk meraih jawatan-jawatan ini. Tetapi pihak Kementerian Pendidikan memantau perkara ini dan *succession planning* memang diberikan keutamaan dari segi siapa yang akan dapat menjawat jawatan pengurusan di institusi pengajian tinggi kitani ini.

Mengenai sesi persekolahan, diambil maklum ia berlainan dan dimaklumkan juga sekolah-sekolah swasta walaupun mereka mengikuti kurikulum kitani, ada tambahan-tambahannya jua, jadi mungkin sebab itulah mereka mempunyai masa-masa yang lain.

Bagi pihak sekolah kerajaan, kelonggaran diberikan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anaknya awal ataupun untuk mengambil anaknya akhir, kerana guru-guru akan sentiasa memantau keselamatan anak-anak mereka dan diharapkan akan dapat memberikan kelonggaran sedikit kepada ibu bapa untuk mengambil dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kerajaan itu.

Itu saja yang dapat kaola jawab untuk soalan-soalan ini dan mungkin akan dibaliki nanti, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita merakamkan dulu ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas ucapan mukadimah yang telah disampaikan bagi menyuarakan hala tuju Wawasan Pendidikan dan sekali gus menuju ke arah Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana yang difahamkan bahawa *IBTE* mempunyai 7 kampus dan juga adanya sebuah pengajian tinggi iaitu Universiti Teknologi Brunei (UTB). Memandangkan keramaian pelajar setiap tahun yang berminat dalam pendidikan kejuruteraan dan teknikal iaitu kemahiran pengambilan pelajar-pelajar baharu terhad mengikut kuota yang disediakan.

Adakah Kementerian Pendidikan merancang bagi penambahan pengambilan pelajar pada masa akan datang dalam jurusan kejuruteraan dan teknikal serta penambahan kekurangan tenaga pengajar dan menambah kekurangan alatan kemudahan belajar yang diperlukan?

Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Memang Kementerian Pendidikan pada masa ini memikirkan, memandangkan *demand* dari pelajar-pelajar yang makin meningkat untuk memasuki *IBTE* yang mempunyai tempat yang terhad setakat ini, walaupun ia sudah mempunyai 7 kampus. Perkara ini dalam penelitian dan diharapkan juga pihak swasta akan dapat memainkan peranannya untuk *absorb* pelajar-pelajar kitani yang mampu untuk belajar dengan institusi swasta itu.

Kesimpulannya, dalam penelitian Kementerian Pendidikan pada masa ini kerana untuk merancang, ia memerlukan perancangan yang teliti dengan menyediakan tenaga pengajar, strukturnya dan juga segala kemudahan yang diperlukan untuk pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus dalam bidang teknikal dan vokasional ini. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. Apakah usaha berterusan pihak kerajaan dalam memastikan graduan-

graduan kitani yang berkelulusan dalam sektor minyak dan gas akan dapat diserapkan ke sektor tersebut terutama sekali penerima-penerima biasiswa? Ini selaras dengan harapan kitani supaya mereka menjadi pelapis dalam sektor tersebut. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh. Perkara ini, *is on going*. Ia sudah pun dibuat dari sejak dulu lagi mana-mana graduan kitani yang berminat untuk berkerjaya dalam sektor minyak dan gas ini dapat, malahan ada kompeni-kompeni yang beroperasi dalam sektor ini memberikan biasiswanya sendiri untuk mendapatkan *succession* tenaga kerjanya sendiri.

Jadi, pada pendapat kaola, perkara ini telah ditangani dan sudah sedia ada dan untuk makluman juga dari institusi pendidikan tinggi, UTB ada kursus-kursus yang telah pun disediakan yang memberikan peluang kepada pelajar-pelajar kitani untuk mengikuti kursus yang berkenaan dengan industri minyak dan gas ini. Di sanalah kompeni-kompeni dapat memilih mana-mana graduan yang berpotensi untuk bekerja dengan syarikat-syarikat berkenaan. Itu saja yang dapat diberikan jawapan, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya ingin menyentuh Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** beberapa isu tadi telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, isu-isu yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai Pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB). Pada fikiran saya, ia penting kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengambil berat dan telah berulang kali bertitah menyentuh Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) ini dan baginda juga bertitah MIB menjadi pakaian Brunei, yang mempertikaikannya bukan purih Brunei atau tidak berjiwa Brunei.

Sehubungan dengan itu, seperti taklimat Yang Berhormat Menteri Pendidikan semalam iaitu untuk terus berusaha melahirkan modal insan yang berilmu dan bertamadun, berakhlak, beriman, cinta kepada bangsa, raja, agama dan tanah air supaya Pelajaran MIB yang sedia ada akan dapat diwujudkan beberapa program yang menarik bagi meningkatkan lagi dan menerapkan dalam tingkah laku pelajar termasuk juga dari percakapan, pergaulan dan

penghayatan diambil perhatian yang serius.

Tekaduhung bercakap mengenai MIB, izinkan saya, Yang Berhormat Pengerusi, menyentuh MIB ini iaitu supaya kitani dapat meneruskan program pemberigaan memberikan kefahaman kesedaran kepada masyarakat umum yang Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan MIB memang berperanan dalam mewujudkan program berkenaan. Sebagai contoh pada tahun lepas Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah menjalani peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB).

Keperluan yang sama juga bisai dilaratkan kepada semua kakitangan perkhidmatan awam dan swasta. Saya juga mencadangkan supaya diadakan satu hari di peringkat kebangsaan "Hari Melayu Islam Beraja (MIB)" atau apa pun namanya sebagai platform ataupun landasan memperkasa Melayu Islam Beraja (MIB).

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya menyentuh Akta Pendidikan Wajib 2007 yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat. Saya tidak lagi menyentuh semula, walau bagaimanapun saya ingin membuat cadangan.

Dicadangkan penubuhan Jawatankuasa Khas Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib yang bukan dari kalangan warga sekolah supaya Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib ini lebih berkesan dan

akan mengurangkan peratus murid yang tidak hadir ke sekolah.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu terutama atas cadangan yang dibuat mengenai program untuk meningkatkan pemberigaan dan juga pengetahuan mengenai Melayu Islam Beraja (MIB) itu.

Abiskaola menyambut baik cadangan untuk mengadakan "Hari Melayu Islam Beraja (MIB)" tetapi perkara-perkara ini haruslah dibincangkan melalui Jawatankuasa Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB) dan akan dibawa untuk difikirkan kesesuaiannya dan untuk mengadakan program-program lebih menarik agar ia dapat dihayati sebenarnya secara lebih baik oleh anak-anak bangsa kitani mengenai dengan Melayu Islam Beraja (MIB) ini.

Ia akan difikirkan jua apa lagi program-program yang harus dibuat agar penghayatannya lebih tinggi mengenai Melayu Islam Beraja (MIB) ini. Dari perspektif Kementerian Pendidikan usaha untuk mengajar dan untuk mensosialisasikan apa Melayu Islam Beraja (MIB) ini telah pun dibuat dari peringkat Tahun I hingga Tahun XI pelajar-pelajar berada dalam sekolah. Itu yang dapat dijawab mengenai Melayu Islam Beraja (MIB) dan terima

kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat.

Bagi Akta Pendidikan Wajib, cadangan untuk penubuhan jawatankuasa yang bukan diahlikan oleh Kementerian Pendidikan. Ia akan diambil maklum dan difikirkan kesesuaiannya. Untuk makluman jua, kalau mengenai Akta Pendidikan Wajib ini pihak Kementerian Pendidikan memang ada berurusan dengan agensi-agensi lain untuk memastikan ia dilaksanakan dengan baik dan untuk mengetahui jika ada kes-kes kanak-kanak kitani yang tidak hadir ke sekolah ataupun mengapa tidak bersekolah.

Jadinya, akan selalu ada berhubung dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan juga agensi Biro Kawalan Narkotik dan agensi lain yang berkenaan untuk sama-sama menangani perkara ini sebelum ia berleluasa.

Itu sahaja yang dapat dijawab Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan selamat sejahtera. Kaola sukacita bercakap mengenai Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. Kaola menyambut baik semua rancangan yang telah pun dibuat oleh Kementerian

Pendidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, kerjasama padu dan pada semua pihak terutama sekali pihak ibu bapa dengan pihak sekolah adalah penting. Konsep memperdekatkan seluruh negara melalui aktiviti muzakarah dalam mendapatkan hasil sepakatan dan sokongan terutama sekali perkara-perkara yang melibatkan peranan ibu bapa dan guru merupakan kunci kejayaan bagi merealisasikan semua bentuk agenda pembangunan.

Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan agar peranan dan fungsi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dapat diperkasakan sejajar dengan matlamat ia diwujudkan dan dapat digunapakai di semua sekolah kerajaan dan swasta di Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Untuk makluman mengenai Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini, semua sekolah telah menubuhkannya, malahan pada tahun lepas diadakan konvensyen mengenai Peranan Ibu Bapa dan Guru Dalam Meningkatkan Pendidikan Anak-Anak.

Usaha ini akan diteruskan lagi dan dapat difikirkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pembelajaran anak-anak

kitani. Beberapa aktiviti pada masa ini dalam perancangan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini.

Diharapkan dan diseru agar sambutan yang diberikan oleh ibu bapa terhadap persatuan ini akan meningkat dan berpanjangan demi anak-anak kitani yang memerlukan pendidikan yang berkualiti agar mereka dapat bersaing dengan anak-anak yang lain yang berada di dunia ini.

Sekian itu sahaja yang dapat dijawab Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola menyentuh Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Dalam menyokong hasrat negara memperkasa hasil pertanian sebagai salah satu penyumbang *KDNK* negara selain pergantungan pada minyak dan gas.

Penglibatan belia diperlukan terutama untuk mempercepatkan bukan sahaja hasil beras untuk sara diri tetapi juga memperbanyakkan penglibatan belia dalam sektor pertanian, perladangan, perikanan dan menghasilkan produk-produk dari pertanian. Dihasratkan untuk mempercepatkan peladang-peladang atau pengusaha negara ini

daripada mengusaha perladangan secara tradisional berpindah kepada moden.

Apakah ada dalam perancangan Kementerian Pendidikan untuk menyokong hasrat tersebut untuk menubuhkan sekolah atau fakulti pertanian dan yang berkaitan di peringkat universiti atau lain-lain kerana kitani melihat di negara jiran kitani yang menghasilkan pertanian mereka itu telah pun menubuhkan bukan sahaja fakulti tetapi juga universiti khas mengenai pertanian.

Sekian, Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong mengenai soalan: Adakah Kementerian Pendidikan merancang untuk menubuhkan satu fakulti pertanian di peringkat universiti ataupun di peringkat tinggi?

Untuk makluman bersama pada masa ini dalam mendukung pelajaran mengenai *agriculture* atau pertanian di peringkat menengah, pelajar-pelajar yang menduduki Tahun IX diberikan peluang untuk mengambil subjek *agriculture*.

Sukacita dikongsikan di sini bahawa pada tahun ini sahaja seramai 369 orang pelajar dari Tahun IX hingga XI sedang mengikuti subjek ini. Di peringkat pendidikan teknikal pula, Kementerian Pendidikan melalui Sekolah

Agroteknologi dan Sains Gunaan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei yang terletak di Kampung Wasan telah menjalankan beberapa program dalam jurusan pertanian sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 2005, seperti *Skills Certificate II* dan *Skills Certificate III in Crops Production* dan semenjak transformasi pendidikan teknikal, sekolah berkenaan telah menawarkan program-program baharu seperti *NTec in Crops and Livestock Production* di Peringkat Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal ataupun *NTec dan juga HNTec in Agrotechnology* di Peringkat Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal.

Pada tahun 2017 dikongsikan seramai 175 orang pelajar yang mengikuti program-program yang berkaitan di Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

Dari peringkat institut pengajian tinggi pula, Universiti Teknologi Brunei menawarkan *Program Bachelor of Sciences in Food Sciences and Technology*. Program ini bertujuan untuk mengaplikasi sains dan teknologi melalui inovasi dengan mengusahakan, mengetuai dan menguruskan projek pembangunan produk makanan dari penghasilan idea ke pelancaran produk.

الحَمْدُ لِلَّهِ jumlah pelajar yang telah mengikuti program ini telah meningkat sejak ia mula diperkenalkan pada tahun lepas. Pada masa yang sama, pihak institusi pengajian tempatan juga melakukan kajian mengenai pertanian,

sebanyak 11 geran penyelidikan atau pun *resource* geran dan 61 geran projek berkaitan dengan pertanian telah dilaksanakan oleh ahli-ahli akademik di Universiti Brunei Darussalam sejak tahun 2011.

Bagi pengajian di luar negara pula, seramai 9 orang pelajar pada masa ini sedang mengikuti pengajian berkaitan dengan pertanian di luar negara di bawah Skim Basiswa Kerajaan Kementerian Pendidikan dari Peringkat Ijazah Sarjana Muda hingga ke tahap Ijazah Doktor Falsafah.

Mengenai cadangan kitani akan berfakulti ataupun berinstitusi itu, ia tertakluk kepada permintaan dan juga keperluan yang ada dari masa ke masa. Pada masa ini, keperluan kitani الْحَمْدُ لِلَّهِ nampaknya dapat diusahakan dengan inisiatif-inisiatif yang kaola nyatakan tadi dan jika ada lagi keperluan yang lebih tinggi atau lebih besar mengenai ini mungkin cadangan itu akan diselidiki lebih lanjut dan buat masa ini diambil maklum.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar soalan-soalan juga kenyataan-kenyataan yang telah pun dikemukakan, disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawab serta diberi penjelasan dengan cukup jelas dan tenang oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya kira sudah cukup perbincangan yang kita lakukan terhadap Jadual ini maka ada baiknya Jadual Kementerian Pendidikan ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sekarang ingin bertanya bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju bagi Jadual ini diluluskan, sila angkat tangan.

(semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Tidak ada yang menentang, nampaknya semua bersetuju. Maka Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira ada baiknya kita berhenti selama 15 minit untuk berehat dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan menyambung perbincangan kita seterusnya untuk meneliti Jadual kementerian yang lain.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis ini bersidang semula bagi menimbangkan tajuk dalam Rang Undang-Undang 2018 Perbekalan 2018 / 2019 yang telah dicadangkan

oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Sebelum mesyuarat jawatankuasa ini ditangguhkan untuk berehat sebentar tadi. Kita telah selesai membincangkan dan meluluskan tajuk Kementerian Pendidikan.

Maka sekarang kita berpindah ke tajuk Kementerian seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Seperti yang lazimnya sebelum tajuk ini dibuka untuk dibahas dan dipersoalkan. Saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan mukadimmahnya, Menghuraikan mengenai dengan asas dan perancangan utama dalam penyediaan bajet belanjawaan Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Silakan Yang Berhormat Dato.

Yang Berhormat Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan: **الْحَمْدُ لِلَّهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang

Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi telebih dahulu koala ingin menyampaikan ucapan tahniah dan syabas di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan II kerana membentangkan belanjawan Tahunan Kewangan 2018/2019 yang mana termasuklah juga cadangan belanjawan bagi Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan. Bagi pihak Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, kaola menyokong sepenuhnya cadangan Belanjawan Tahunan Kewangan 2018/2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, tema belanjawan ialah mendukung dasar, *"Fiscal, Consolidation dan Fiscal Sustainability*.

Kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Belanjawan Tahun Kewangan 2018/2019 yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seperti berikut:

1. Perbelanjaan Tahunan yang disokong sebanyak \$54,172,221.00 iaitu sebanyak \$31,694,220.00 bagi Bayaran Gaji Kakitangan dan sebanyak \$22,478,001.00 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang; dan
2. Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$5,070,000.00.

Selaras dengan Misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu: "Menerajui

pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada KDNK dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara, dan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi, serta memfokus kepada pasaran eksport", Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan menumpukan kepada usaha-usaha berikut:

1. Untuk meningkatkan jumlah keluaran dari industri-industri pertanian, perikanan dan perhutanan iaitu melalui peningkatan produktiviti dengan teknologi tinggi dan teknik moden dan bukan sahaja untuk menembusi pasaran dalam negara malahan juga untuk pasaran eksport; dan
2. Untuk meningkatkan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong dan pertumbuhan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola untuk menyampaikan status terkini berkenaan dengan prestasi dan unjuran beberapa kegiatan sektor-sektor di bawah pengendalian pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan kaitannya dengan cadangan Belanjawan Tahun Kewangan 2018/2019 ini.

1. Dalam aktiviti penanaman padi, disebabkan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu, contohnya cuaca panas fenomena El-Nino pada tahun 2016, dan sumber air yang masih tidak mencukupi, telah menyebabkan peladang-peladang padi menghadapi kesukaran untuk menambah keluaran mereka secara besar-besaran sepanjang 2 tahun yang lalu. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan merujuk kepada cadangan Belanjaawan Tahun Kewangan 2018/2019, bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, terdapat peruntukkan sebanyak lebih \$5.47 juta disediakan bagi Program Pengeluaran Beras Negara di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Ini termasuklah sebanyak kira-kira \$162,730,00 diperuntukkan bagi Pengurusan Kemajuan Pengairan dan Sistem Perparitan. Di samping itu, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Behormat Menteri Kewangan II, melalui cadangan Perbelanjaan Kemajuan, RKN11, sebanyak \$400,000.00 daripada Harga Rancangan sebanyak \$10 juta, telah disediakan bagi Tahun Kewangan 2018/2019 bagi tujuan Membina Skim Pengairan Tambahan bagi Kawasan Penanaman Padi di seluruh daerah.

Dengan penambahan sumber air itu nanti, dan digandingi pula dengan inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memperkenalkan benih padi berhasil tinggi, iaitu dari jenis padi "Titih" yang berupaya untuk

menghasilkan sehingga 8.5 MT/ha semusim pada tahun ini, maka pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berharap peladang-peladang padi akan dapat menghasilkan kira-kira 7,700 MT padi setahun menjelang tahun 2020, berbanding hanya sekitar 2,000 MT padi setahun pada tahun 2015. Ini akan meningkatkan sara diri beras negara dari hanya sebanyak kira-kira 6% pada tahun 2015 kepada sekitar 22% menjelang tahun 2020.

2. Bagi sektor tanaman sayur-sayuran, peladang-peladang tempatan juga menghadapi berbagai-bagai cabaran termasuklah cuaca yang tidak menentu, kekurangan sumber kewangan, dan juga saingan harga pasaran, terutama saingan dari negara jiran.

Oleh yang demikian, beberapa strategi baharu telah diaturkan bagi membantu peladang-peladang yang sedia ada, peladang-peladang muda atau belia, dan peladang-peladang berpendapatan rendah (yang kurang berkemampuan).

Bagi peladang-peladang yang berkemampuan, maka arah tuju ialah bagi memberi fokus kepada tanaman berkualiti tinggi dengan teknik moden seperti menggunakan sistem hidroponik *vertical farming* dan rumah hijau, dan menyasarkan kepada pasaran eksport selain pasaran dalam negara. Bagi peladang yang kurang berkemampuan, maka teknik mudah dan murah akan

diperkenalkan seperti teknik tradisional, teknik fertigasi dan teknik menggunakan bahan-bahan terbuang yang juga mampu menghasilkan pendapatan yang lumayan.

Selain itu, pihak kementerian juga telah membuat perundingan dengan beberapa syarikat pembeli dan pengeksport produk-produk pertanian dan beberapa pasar raya utama dalam negara untuk membuat pembelian hasil-hasil pertanian secara kontrak daripada peladang-peladang tempatan yang berupaya menghasilkan keluaran yang menepati kehendak pasaran sama ada pasaran dalam negara ataupun pasaran eksport.

Merujuk cadangan perbelanjaan kemajuan bagi Tahun Kewangan 2018/2019, terdapat peruntukan sebanyak \$1 juta, dengan Harga Rancangan sebanyak \$30 juta di bawah peruntukan RKN11, iaitu bagi program peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi.

Di samping itu, sebanyak lebih \$468 إِنْ شَاءَ اللَّهُ ribu juga telah diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk meningkatkan biosekuriti industri pertanian dan seterusnya memastikan produk-produk pertanian dapat menembusi pasaran eksport. Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan cuba memanfaatkan peruntukan yang disediakan ini dengan sebaik-baiknya.

3. Bagi Perusahaan Pemeliharaan Ayam Pedaging dan Ayam Penelur, yang telah menyumbangkan sekitar 60% daripada keseluruhan keluaran sektor pertanian negara, sukacita memaklumkan bahawa semenjak 2 tahun ini hampir kesemua penternak utama telah menukar sistem reban mereka dari Sistem Terbuka (*convensional*) kepada Sistem Tertutup (*closed-house system*).

Sistem ini lebih selamat dan dapat menghindarkan ayam peliharaan mereka daripada dijangkiti penyakit. Melalui sistem ini juga, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menganggarkan, nilai keluaran ayam pedaging negara dijangka akan إِنْ شَاءَ اللَّهُ meningkat kepada sekitar \$289 juta setahun menjelang tahun 2020 nanti, berbanding dengan hanya sekitar \$106 juta setahun pada tahun 2015.

Walau bagaimanapun, Sistem Reban Tertutup ini menghendaki penyediaan tenaga elektrik yang bersesuaian untuk ia beroperasi dengan jayanya.

Merujuk kepada cadangan Perbelanjaan Kemajuan, RKN11, ada disediakan Harga Rancangan berjumlah \$27 juta bagi Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran dan bagi mencapai matlamat pengeluaran sekitar \$300 juta menjelang tahun 2020.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan

berunding dengan pihak Kementerian Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian bagi mendapatkan sebarang bantuan dalam perkara ini, iaitu bagi meningkatkan kapasiti tenaga elektrik di kawasan ladang-ladang ternakan ayam di seluruh negara, agar berupaya meningkatkan produktiviti dan pengeluaran ayam di negara ini.

Bagi sektor perikanan pula, sektor tumpuan ialah dalam bidang akuakultur, iaitu perusahaan pemeliharaan ikan dengan menggunakan kolam-kolam, tangki-tangki bertingkat dan sistem sangkar-sangkar di laut (pesisir pantai dan luar pantai).

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mensasarkan keluaran bernilai sekitar \$400 juta setahun dari industri akuakultur ini menjelang tahun 2020, berbanding hanya sekitar \$10 juta setahun pada 2015. Unjuran ini diharapkan akan tercapai melalui penglibatan penternak-penternak ikan dalam sangkar tempatan dan luar negara di beberapa kawasan terutamanya di Selatan Pulau Pelumpong dan di beberapa kawasan luar pantai yang telah dikenal pasti oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Merujuk kepada cadangan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019 bagi Jabatan Perikanan, terdapat sebanyak lebih dari \$263 ribu diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk

membantu dalam meningkatkan penghasilan perikanan (tangkapan dan akuakultur) dan lebih \$142 ribu diperuntukkan bagi membantu program-program untuk menembusi pasaran eksport bagi industri perikanan.

Sementara itu, merujuk kepada cadangan Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2018/2019, iaitu di bawah RKN11, terdapat peruntukan sebanyak \$1.82 juta bagi mendukung Pembangunan Infrastruktur Industri Ternakan Udang.

Di samping itu, merujuk kepada cadangan Perbelanjaan Kemajuan di bawah RKN11, disediakan Harga Rancangan berjumlah \$15 juta untuk memajukan dan membuka Tapak-Tapak bagi Industri Akuakultur. Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berharap akan dapat memanfaatkan peruntukan-peruntukan yang disediakan ini dengan sebaik-baiknya.

Dalam bidang pelancongan pula, sukacita memaklumkan bahawa kedatangan pelancong melalui udara dicatatkan meningkat sebanyak 18% pada tahun 2017, berbanding 10% unjuran asal, iaitu sekitar 258,955 orang (pelancong) berbanding 220,000 orang (pelancong) pada tahun 2015 dan tahun 2016. Ini disebabkan oleh beberapa perkara termasuklah:

- i. Pengenalan dan penambahbaikan beberapa produk-produk pelancongan;

- ii. Pengenalan '*visa on arrival*' kepada rakyat dari Republik Rakyat China dan *Taiwan*; dan
- iii. Pengenalan perkhidmatan baharu melalui penerbangan *RB (Royal Brunei)* dan *Lucky Air* bagi membawa pelancong-pelancong daripada Republik Rakyat China dan Republik Korea Selatan.

Walau bagaimanapun, satu faktor utama yang juga menarik kedatangan pelancong pada tahun 2017 ialah perayaan gilang-gemilang Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menaiki Takhta Singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam Yang Genap 50 tahun pada 14 Muharram 1439 bersamaan 5 Oktober 2017 yang lalu.

Merujuk cadangan Perbelanjaan Kemajuan di bawah RKN11, terdapat peruntukan Harga Rancangan sebanyak \$3 juta bagi Pengukuhan Produk-Produk Pelancongan, maka pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berharap akan dapat memanfaatkan peruntukan berkenaan dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan akan diungkapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dari segi berbelanja menyediakan infrastruktur seperti jalan-jalan ladang, bekalan air, bekalan elektrik, dan juga dari segi skim subsidi dan skim pembelian hasil tanaman padi bagi peladang-peladang padi, dan inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti yang diungkapkan oleh kerajaan sepanjang masa, maka kaola menyeru agar lebih ramai peladang baharu terutama dalam kalangan belia untuk tampil ke hadapan dan mengambil peluang berkecimpung dalam aktiviti pertanian dan perikanan sebagai sumber pendapatan, perusahaan dan perniagaan.

Kaola sangat memuji kegigihan beberapa orang peladang yang sedia ada di seluruh negara, termasuk beberapa orang belia, yang benar-benar mengambil peluang menghasilkan berbagai-bagai produk pertanian dan perikanan sehingga menyumbang kepada pertambahan KDNK dalam sektor pertanian dan perikanan, menyumbang kepada penjanaaan pekerjaan, menyumbang kepada pertumbuhan eksport dan pengurangan import.

Peladang-peladang ini bukan sahaja gigih, malah bijak dalam memilih jenis-jenis tanaman yang diusahakan, yang mana lebih menjurus kepada tanaman yang bernilai komersil tinggi, dan menggunakan teknik moden yang produk-produk mereka terbukti laris di pasaran tempatan dan berupaya meraih harga pasaran yang tinggi di pasaran eksport, seperti tomat ceri, cili merah,

timun Jepun, peria putih, *lettuce*, melon, markisa, buah naga dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, masih terdapat juga segelintir peladang yang mengabaikan tanah-tanah pertanian yang telah ditawarkan kepada mereka dengan hanya bertani sambil lewa dan semata-mata untuk kepentingan diri sendiri sahaja. Sebahagian peladang ada yang membiarkan tanah berkenaan sehingga ditumbuhi rumput-rumpai yang tinggi dan pokok-pokok hutan yang besar.

Malah terdapat juga yang menyewakan tanah-tanah berkenaan kepada orang lain termasuklah kepada orang-orang asing. Tabiat seperti ini sangatlah mengecewakan banyak pihak dan sudah barang setentunya akan menyumbang kepada kegagalan kita dalam mencapai sasaran *Key Performance Indicator* yang telah kita ditetapkan.

Dalam kesempatan ini, kaola memohon kerjasama ketua-ketua masyarakat termasuk Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung, Ketua-Ketua Koperasi dan Ketua-Ketua Kumpulan Peladang, untuk sama-sama memantau kegiatan anak-anak buah mereka agar lebih serius mengusahakan tanah-tanah pertanian yang ditawarkan dengan bijak dan tidak menyia-nyiakan tanah berkenaan kerana ini boleh menyebabkan kerugian kepada pihak kerajaan yang telah berbelanja berjuta-juta ringgit setiap tahun bagi menyediakan dan memelihara infrastruktur pertanian dan perikanan,

dan juga perbelanjaan subsidi baja kepada peladang-peladang berkenaan.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan prestasi dan unjuran aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini, iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan.

وبالله التوفيق والهداية التَّسْلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Maka saya sekarang membukakan supaya Jadual Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kita teliti dan perbahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

التَّسْلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam sejahtera. Diucapkan terima kasih dan usaha dari Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang disampaikan tadi. Merujuk 2 perkara tadi iaitu:

1. Tajuk SH06A - Kod 002/000 - Perkembangan Produk dan Perniagaan Pelancongan. Setelah ditolak peruntukan atau pembayaran gaji dan elaun-elaun yang diperlukan serta utiliti dan Pemeliharaan. Didapati bahawa Perbelanjaan Operasi dan Perbelanjaan Berulang-Ulang bahagian Anggaran Perbelanjaan Kewangan 2018/2019 adalah \$33,000 sahaja. Adakah jumlah peruntukan ini mencukupi untuk memajukan industri pelancongan kita dan sebagai *regulator* untuk sektor ini dari segi operasi seluruh negara? Mungkin sudah tiba masanya untuk kita menilai semula peruntukan tahunan ini; dan

2. Tajuk SH01A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. *Intellectual property rights* dan *branding* penting untuk mana-mana produk untuk memastikan sesuatu barangan itu berkualiti, terjamin dan terjaga hak intelek pengeluar. Kalau negara-negara pengeluar boleh bangga dengan label seperti *Swiss made* atau *German engineered* dengan ini disarankan untuk produk-produk kita memakai satu *branding* yang sesuai.

Tahun lepas pada Musim Permesyuaratan di Dewan yang mulia ini ada disebut satu usaha iaitu *Made In Brunei*. Saya ingin mencadangkan agar ia diperluaskan untuk mana-mana produk untuk membuat termasuk perhutanan, perikanan dan juga makanan

pembuatan. Untuk memastikan sama ada ia sukatan-sukatan mengikut piawaian dan peraturan-peraturan yang memakainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kerana mengajukan beberapa soalan.

1. Mengenai bajet Peruntukan Operasi Jabatan Pelancongan. Seperti biasa perbincangan mengenai bajet atau peruntukan bagi Jabatan Pelancongan dimesyuaratkan oleh Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap kementerian dan Jawatankuasa Belanjawan Negara. Saya kira dalam mengambil kira keupayaan kita masa ini dan keperluan kita juga saya tidak ada *complaint* dengan peruntukan yang diberikan oleh Jawatankuasa Belanjawan buat masa ini.

Kerana cara kita bertindak bukan semestinya mengharap kepada bajet kerajaan yang banyak untuk menjayakan mana-mana usaha kerana ini. Kebanyakannya ada perkara yang harus kita buat bagi melaksanakan beberapa rancangan kitani.

Fokus Jabatan Pelancongan adalah *develop* produk ertinya membangun produk pelancongan yang kukuh, menarik dan *affordable* ertinya dapat dibeli oleh pelancong-

pelancong ke negara ini berbanding dengan negara-negara jiran. Paling utama ertinya kitani ada produk yang tersedia untuk ditawarkan kepada pelancong-pelancong.

Ketiga, adanya ejen-ejen pelancong yang aktif memasarkan produk itu ke luar negara untuk menarik pelancong ke negara ini ertinya ada *connectivity*. Kita mempunyai penerbangan sendiri (*airline*) yang mempunyai destinasi ke berbagai-bagai tempat.

Keempat, terdapatnya tempat-tempat tinggal dan hotel-hotel, tempat penginapan orang-orang datang ke negara ini. Jadi, melalui *Brunei Tourism Board*, kita dapat menyatukan semua *stakeholders* untuk bekerjasama membantu mempromosi Brunei sebagai destinasi pelancongan bagi orang ramai bukan hanya sekadar dengan inisiatif kerajaan tetapi inisiatif daripada *stakeholders* penting dalam kitani menjayakan pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Bagi soalan kedua, iaitu berkenaan *branding* yang diusahakan oleh kerajaan terutama sekali di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Fokus kitani di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sesuai dengan namanya sumber-sumber utama kebanyakan dari *raw material* ertinya menanam padi, sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan ayam, kambing dan

juga tangkapan dan ternakan ikan-ikan dan udang-udang.

Jadinya terpulang kepada pengusaha-pengusaha itu sendiri kerana apa yang mereka keluarkan itu harus dijual di mana-mana. Kalau dari segi udang kitani mempunyai satu *brand* tersendiri yang cuma negara kitani mengeluarkannya iaitu *rostrich* atau *blue shrimp* agak popular di beberapa negara yang kita eksport udang ini iaitu ke negara China, Jepun, Korea, Australia, Hong Kong dan lain-lain lagi.

Berkemungkinan kita juga terkenal menjadi sebuah negara pengeksport terbesar ikan kerapu dalam kalangan negara-negara *ASEAN* suatu masa nanti. Jadi *branding* penting, tapi *at the same time* kalau dapat membrand kitani sebagai negara yang dapat mengeluarkan barang-barang yang selamat dari segi *consumption* orang ramai itu yang penting terhindar daripada penyakit dan kehalalannya.

Jadi ada dua atau tiga perkara yang penting dalam kita mengeluarkan bahan makanan yang berupa *raw material* seperti ikan, ayam dan sebagainya. Kita dikenali sebagai negara yang mempunyai ladang yang bersih, mempunyai sistem untuk mengawal ladang-ladang kita daripada penyakit atau tidak ada sejarah penyakit dan *strict* dalam memantau perusahaan itu supaya bersih dan tidak tercemar daripada sebarang kuman dan lain-lain yang penting juga kita punya *brand* sebagai sebuah negara yang *very strict* dalam mengisytiharkan produk itu halal

atau tidak halal berbanding dari negara lain.

Jadi perkara yang penting ialah kebersihan dan ada *market*. Kalau pun kita bersih tapi tidak ada *market* di sinilah maka peranan pengusaha sendiri adalah yang memainkan penting dalam memastikan mereka boleh menjual barang mereka itu dan mereka mempunyai peranan masing-masing ianya bukan tertumpu pada pihak kerajaan sahaja. Demikianlah sebagai jawapan awal Yang Berhormat Pengerusi. jika sekiranya ada penambahan kaola akan menambah lagi kemudian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian.

Lebih dahulu kaola merakamkan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola akan menyentuh mengenai dengan Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Dalam Kod

- 004/001 iaitu Perkembangan Hasil Pengeluaran Industri Tanaman. Kaola melihat disini pada tahun lepas telah diluluskan 2017/2018 sebanyak \$587,839.00 manakala pada anggaran yang diluluskan 2018/2019 iaitu sebanyak \$1,364,770.00.

Dalam hubungan ini, sukacita Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan dapat menjelaskan bagaimana hasil tanaman ini akan dapat dipasarkan ke luar negeri terutamanya dari aspek kos logistik pengangkutan udara yang tinggi dan kawalan import di negeri yang disasarkan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyentuh lagi mengenai Kod - 004/002 Perkembangan Hasil Pengeluaran Industri Ternakan. Seperti mana yang ternyata di Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 terdapat penurunan ke atas kod ini telah diluluskan pada 2017/2018 sebanyak \$3,530,074.00 manakala anggaran 2018/2019 nampaknya menurun \$3,292,075.00.

Kaola ingin bertanya mengenai Kod ini iaitu sukacita mengetahui status projek ini. Adakah kajian-kajian awal telah dibuat mengenai dengan projek ini terutamanya Projek Ternakan Ketam Sri Sri Lanka.

Manakala, Kod 003/004 iaitu Perkembangan Produk dan Perniagaan Pelancongan seperti penyertaan dalam pameran perdagangan, pameran

bergerak, rangkaian perniagaan antarabangsa dan domestik.

Soalan kaola: Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan yang disediakan bagi memberi sokongan dan fasiliti kepada pihak swasta sebagaimana galakan dan insentif untuk mempromosikan dan menganjurkan acara-acara pelancongan yang dapat menarik pelancongan di negara ini. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Berkenaan pemasaran dan penjualan hasil-hasil tanaman sama ada dalam negara atau luar negara, beberapa inisiatif telah dibuat oleh kementerian:

1. Menggalakan adanya usaha sama diantara peladang tempatan dan peladang luar negara untuk mengusahakan ladang-ladang sama ada secara rintis ataupun dengan menyertai *tender-tender* bagi mengusahakan sesuatu ladang yang ditawarkan oleh kementerian.

Walau bagaimanapun, nampaknya kerajaan melalui *rap* tidak begitu menggalakkan. Maka, sekarang kementerian memfokus kepada projek rintis ataupun *pilot scheme* dengan peladang-peladang ditawarkan tanah yang sedikit sahaja

iaitu 2 hektar untuk mencuba, sama ada secara persendirian ataupun usaha sama dengan pelabur-pelabur luar kerana pelabur-pelabur luar ini dijangkakan akan mempunyai *network* sendiri dalam menjual hasil-hasil tanaman mereka; dan

2. Kaedah terbaharu ialah mengadakan *contract farming* iaitu berkontrak dengan pembeli sama ada pembeli itu dalam negara atau pembeli yang mengeksport ke luar negara. Nampaknya, skim ini mendapat sambutan yang baik daripada peladang-peladang dalam negara yang kebanyakannya peladang-peladang baharu iaitu belia.

Pembeli ini sudah mempunyai *marketnya* tersendiri sama ada di Singapura, Hongkong, Australia dan China. Dengan sendirinya, sama ada pembeli itu menunggu saja atau berladang bersama-sama dengan peladang kita untuk memastikan pengeluaran itu sentiasa ada dan pembeli ini akan menentukan apa jenis tanaman yang ditanam, kualitinya dan frekuensinya, sama ada setiap bulan mesti dikeluarkan atau setiap minggu.

Jadualnya akan disediakan untuk mereka menanam tanaman itu untuk dijual ke luar negara. Sehingga kini, ada juga pembeli itu yang bersedia untuk membersihkan tanah itu untuk tujuan berladang bersama-sama dengan peladang-peladang kita.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ inisiatif ini akan dapat dilihat kejayaannya pada tahun ini. Mengenai soalan iaitu cara untuk memastikan penjualan tanaman itu untuk tidak disekat oleh negara pengimport, kementerian sebagai autoriti dalam bidang pertanian sentiasa akan berunding dengan autoriti di negara pengimport itu memastikan kehendak-kehendak mereka itu dipatuhi.

Jadi, jika kita akan mengeksport tanaman ke Singapura, China ataupun Australia dan kita harus berunding dengan autoriti pertanian di negara-negara berkenaan untuk memastikan apa-apa persyaratan yang telah mereka tetapkan akan kita patuhi. Kebanyakannya yang mereka mahu hasil tanaman kita selamat untuk digunakan di negara mereka.

Jadi, mana-mana kehendak mereka akan kita patuhi dan jika mereka terpaksa ke negara kita untuk mengaudit ladang-ladang kita, kita akan membenarkan mereka dan melayan mereka untuk berbuat demikian. Seperti di Australia, jika kita eksport bunga-bunga atau buah-buahan mungkin ada kehendak untuk dikuarantin di negara berkenaan selama berminggu-minggu sebelum dijual ke pasar. Tetapi dengan perundingan dengan negara berkenaan, maka mereka telah memberi kita jalan supaya kuarantin itu tidak perlu di Australia tapi di sini sahaja.

Perundingan akan terus dibuat dengan mana-mana autoriti di mana kita hendak memasarkan pasaran kita itu dan nampaknya sambutan dari negara berkenaan menggalakkan asal saja kita patuh kepada kehendak mereka.

Berkenaan dengan ternakan yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman iaitu ketam yang di bawah perikanan.

Tahun lepas ada ura-ura sebuah syarikat di sebuah negara untuk memulakan usaha *hatchery* (penetasan ketam di brunei), jadi apabila menghasilkan anak-anak ketam itu untuk dijual kepada orang ramai untuk mengusahakan ketam secara bertingkat di negara ini, sambutannya memang banyak, walau bagaimanapun pelabur berkenaan tergendala buat sementara ini untuk memulakan perusahaan penetasan ketam mereka itu.

Untuk mengusahakan ketam atau mana-mana spesies seperti bekara dan udang galah sama juga yang penting kita mempunyai teknologi dalam bidang penetasan. Kalau tidak ada teknologi penetasan sukar bagi kita untuk mengusahakan secara besar-besaran kerana kita terpaksa bergantung pada tenaga luar untuk menghantar dan membeli anak-anak udang, ketam dan bekara untuk kita mengusahakan secara besar-besaran.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diusahakan dan dirundingkan dengan pengusaha

ternakan supaya mereka tidak akan terus putus asa untuk memulakan penetasan ketam di Negara Brunei Darussalam.

Berkenaan dengan pelancongan. Adakah peruntukan disediakan bagi kita membantu pihak swasta untuk mempromosi pelancongan Negara Brunei Darussalam di negara-negara lain.

Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan berusaha sebolehnya untuk tidak bergantung pada peruntukan kerajaan dalam mana-mana usaha kita.

Melalui *Brunei Tourism Board* kita akan berunding dengan *stakeholders* terdiri daripada Persatuan Hotel, Persatuan Ejen Pelancongan, Persatuan Restoran, Penerbangan Diraja Brunei dan juga beberapa kementerian-kementerian termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan lain-lain lagi untuk membantu kita dalam mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan.

Seperti yang kita ketahui pihak Penerbangan Diraja Brunei juga bertanggungjawab dalam mempromosi Brunei Darussalam sebagai Destinasi Pelancongan. Hotel-hotel juga mempunyai *Marketing Department* yang mempromosi Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan. *Travel Agent* juga mempunyai agensi dan mempunyai tanggungjawab sendiri dan mereka sering mengikuti berbagai-bagai *trade*

show, travel show di mana-mana. Mereka juga berperanan dalam mempromosi Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan.

Jadi, fokus Kementerian ataupun Jabatan Pelancongan adalah kebanyakannya membina produk-produk, membina bisnes dalam negara ini sebagai bahan untuk mereka *promote* apabila mereka ke luar negara. Kalau tidak, semua akan memfokus kepada promosi dan tidak ada yang memfokus kepada pembinaan produk seperti restoran mereka tidak membuat menu.

Jadi fokus kementerian ataupun Jabatan Pelancongan kebanyakannya mereka bentuk menu, mepakej menu, dipakej, diberi harga, diberi kualiti dan pihak yang berkenaan akan menjualnya seperti Penerbangan Diraja Brunei, agensi pelancongan, hotel-hotel dan lain-lain lagi.

Dengan bantuan Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan barangkali akan disebarkan semua maklumat berkenaan Brunei Darussalam. Bukan 100% bergantung pada belanjawan, kebanyakannya menerusi *smart marketing, smart promotion* sebagai cara menggalakkan pelancongan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ bajet dari segi pemasaran dalam kementerian ini sedikit. Tahun lepas pun sama juga tapi hasilnya dari segi kedatangan pelancongan lebih banyak juga jadi harus dipelajari *smart*

marketing bukannya *spending* dan sebagainya untuk berjaya.

Sekianlah dulu Yang Berhormat Pengerusi sebagai jawapan kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
الْحَمْدُ لِلَّهِ dengan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan banyak soalan yang disediakan tidak perlu disoalkan lagi.

Walau bagaimanapun, masih ada soalan-soalan, mudah-mudahan ia bermanfaat kepada bangsa dan negara:

1. Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Apakah ada perancangan kementerian dengan kerjasama pihak swasta untuk mencipta *scheme incubator* bagi memajukan industri-industri pertanian, perikanan, perhutanan dan lain-lain di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk meningkatkan

industri tersebut di atas kepada pengusaha muda negara?;

2. Tajuk SH031 - Jabatan Perikanan. Apakah masih ada peluang dan *volume commercial* dalam industri penangkapan ikan air dalam Negara Brunei Darussalam? Apakah masih terdapat tapak yang luas disediakan untuk mengusahakan ikan sangkar dan ketam di Negara Brunei Darussalam dan komuniti-komuniti lain?;

3. Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Apakah status kajian sumber air bawah tanah yang telah dibuat yang pernah pihak kami ketahui dibuat di kawasan-kawasan kami? Apakah ia satu kajian untuk dijadikan irigasi tanaman padi di sebahagian kawasan untuk mencukupkan keperluan masa kini dan akan datang? Apakah ada perancangan pihak kementerian untuk membuat takungan air yang lebih besar atau menambah kapasiti Empangan Emang? Apakah perancangan pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam meningkatkan hasil negara dalam pertanian.; dan

4. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. الْحَمْدُ لِلَّهِ industri pelancongan menunjukkan peningkatan yang ketara apa lagi sempena Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien menaiki Takhta pada tahun 2017.

Apakah ada perancangan untuk memajukan tapak-tapak yang berpontesi sebagai destinasi pelancongan seperti Taman Warisan Merimbun dan lain-lain yang dikira berpotensi untuk dimajukan dan ditawarkan kepada pihak pelabur tempatan dan luar *FDI* untuk memajukan tapak-tapak pelancongan yang berpontesi komersial.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

1. Adakah *scheme incubator* bagi peladang-peladang belia di Negara Brunei Darussalam? Kita tidak mempunyai *scheme incubator* secara formal tapi pada bulan Januari tahun ini, kita telah mengadakan 2 sesi taklimat dengan menjemput lebih kurang 30 orang belia yang dikira boleh didedahkan untuk berkecimpung dalam bidang pertanian. Seperti yang kaola nyatakan tadi, skim yang sedang kita *offer* sekarang ialah melalui skim rintis dan digandingi dengan *scheme contract farming*. Belia ini ada 2 *group* dalam 15 orang satu *group* dan diadakan selama 4 hari.

Sesi pertama, taklimat berkenaan dengan peluang-peluang dalam bidang pertanian berteknologi tinggi dan digandingi dengan pengenalan dengan beberapa orang bakal pembeli untuk mereka *confident* dengan berladang. Apabila mereka menceburkan diri dalam peladangan ini nanti hasil dari peladangan itu akan dibeli, tidak ada yang tinggal.

Pada hari pertama kebanyakannya taklimat, termasuk taklimat berkenaan dengan unjuran kewangan *capital kos* dalam membangun sebuah rumah hijau ataupun rumah terlindung, kos operasinya, lamanya satu laman itu membuah hasil, dijual dan harga jualannya, *profit margin* ataupun keuntungan dalam satu *cycle* perladangan itu?

Selepas itu hari kedua, ketiga dan keempat akan diadakan lawatan ke ladang-ladang yang terdiri daripada peladang-peladang yang berjaya dalam berladang itu. Kebanyakannya dari belia-belia di seluruh negara. Mereka akan mendapat pengalaman mendengar pengalaman belia-belia yang berjaya dalam berladang itu dalam dua sesi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ walaupun tidak semua merespons dengan baik buat masa ini, tapi kita telah mendapat respons yang cukup baik. Ada seorang dua orang sudah bersedia untuk mengikuti skim ini. Ertinya

kitani menyediakan mereka 2 hektar tanah ataupun 1 hektar tanah, 2 hektar untuk projek rintis selama 2 tahun. Kalau berjaya ditambah lagi, kalau tidak berjaya boleh *give up*. Tapi di sebelah mereka pembeli akan juga berladang.

Jadi dengan sendirinya mereka mempunyai *standard* yang sama, ertinya pembeli itu berladang dan belia pun berladang sama-sama mereka untuk memastikan sistem yang mereka kerjakan itu adalah teratur, bersistem disebabkan pembeli mengeksport ke Singapura, Australia dan Negara China. Mereka akan menjual barangan ini mengikut kehendak pembeli di Singapura dan negara lain itu. Semestinya harus peladang itu mematuhi kaedah perdagangan terbaik dari awal sampai akhir iaitu dari penyemaianya, pertumbuhannya, cara kita membajainya menyediakan airnya, memeliharanya, dan jenis baja yang digunakan.

Mengikut peraturan yang terbaik bukannya sesuka hati. Ini semacam *incubation*, 2 tahun *incubation* kalau ia berjaya dan akan diberi tanah yang lebih besar lagi. Yang penting sekali mereka sudah ada pembeli dalam skim ini.

Kita sedang berusaha dengan pasar raya dalam negara untuk mengadakan skim yang sama. Mereka akan berladang bersama-

sama belia dan belia ini akan berladang menanam tanaman yang dikehendaki pasar raya dan akan mendapat hasil yang tetap.

Mereka akan membeli baja, benih daripada pembeli dan menjual balik hasilnya kepada pembeli itu. Untuk memastikan barang mereka itu tidak terjual dengan syarat mereka mesti mematuhi kualiti yang dikehendaki.

Mengenai Perikanan. Di laut dalam seperti Zon 3 dan Zon 4 peluang masih banyak, tetapi memerlukan kapal-kapal yang lebih canggih, lebih besar, lebih kukuh untuk menangkap ikan yang lebih besar seperti ikan tuna.

Malah pada masa ini, kita sudah pun memberi kebenaran kepada sebuah *company* dari negara Jepun untuk menangkap ikan tuna di Zon 3, ikan tuna ini akan ditangkap dan dibawa ke darat, diproses sedikit dan di eksport ke Jepun, tapi peluang masih besar.

Kebanyakan kita hanya di Zon-Zon 2 dan 3 sahaja tidak mahu terlampau ke kawasan yang lebih dalam. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** nampaknya ada 2 ke 3 buah lagi syarikat luar dan dalam negeri yang ingin berkecimpung dalam perusahaan ikan di laut dalam Brunei Darussalam.

Berkenaan dengan sangkar. Peluang memang besar juga terutamanya di kawasan Pelumpong. Malangnya, kita tidak banyak kawasan yang sesuai untuk perusahaan bersangkar di pesisiran pantai tapi di luar pantai

mungkin lebih luas, tetapi cabaran juga lebih besar kerana ombak yang lebih besar.

Di kawasan Pelumpong yang terlindung kita tidak punya kawasan yang besar tetapi masih lagi banyak peluang untuk ditawarkan kepada peladang-peladang yang ingin berkecimpung dalam pemeliharaan ikan secara bersangkar.

Seterusnya, mengenai penanaman padi. Berkenaan dengan Telaga Imang seperti yang mukadimah oleh kaola tadi awal-awal terdapat harga rancangan \$10 juta dalam bajet ini untuk mendalami Telaga Imang supaya kita dapat menampung lebih banyak air digunakan untuk diagih-agihkan kepada peladang-peladang di kawasan sekitar Telaga Imang dan Batong.

Bukan sahaja untuk mendalami Telaga Imang tetapi untuk menambah baik saluran-saliran kepada semua peladang terkandung dalam bajet berkenaan.

Mengenai jangka panjang padi. Seperti yang kaola nyatakan dalam mukadimah tadi juga pada hari pertama kita berbincang, memang tujuan kita untuk meningkatkan keluaran padi dari 2,000 metrik tan tahun 2015 akan bersasar kepada 7,700 metrik tan kira dalam 8,000 tan dalam tahun 2020.

Kaedah kita bukan sahaja dengan membuka ladang baharu tetapi lebih mengutamakan pada meningkatkan produktiviti *yield* dengan memperkenalkan benih yang berhasil

tinggi. Dengan tanah yang sama, baja yang sama, air yang sama, peladang yang sama, pekerja yang sama, tetapi hasil kita 4 kali ganda.

Ini bererti kos kita bertambah, tapi hasil bertambah, ini bererti keuntungan para peladang akan berlipat ganda dan sara diri akan meningkat daripada 6% pada 2015 kepada 22% dalam 2020.

Dengan pergerakan padi "Titih" yang berupaya menghasilkan 8.5 tan metrik semusim berbanding padi "Laila" yang sekarang ini menawarkan 3 tan metrik semusim. Pada masa ini kita sedang membuat kajian dengan berbagai-bagai institusi dari luar negara untuk cuba mendapatkan benih padi yang berhasil lebih dari tinggi lagi sekitar 12 tan metrik.

Harus kita akui ini bukanlah barang yang mudah sebab keadaan tanah kita ini yang tidak sama dengan negara lain mengandungi kadar asid yang tinggi dan kita tidak mempunyai sistem perairan yang mudah.

Sebagai contoh, kita sedang bekerjasama dengan sebuah syarikat dari Indonesia, *Biogene* yang telah membuat *trial* 3 kali di Brunei dengan menggunakan benih yang boleh menghasilkan 13 tan padi sehektar semusim di Surabaya.

Setelah dicuba di sini sebanyak 3 kali hasilnya cuma 6 tan sahaja, separuh sahaja. Walaupun di sana 12 ke 13 tan sahaja tetapi di sini cuma 6 tan sahaja, setelah mencuba 3 kali. Perbezaannya ialah tanah, tanah di sana tanah gunung

berapi, manakala tanah kita ini tanah yang masam dan mempunyai asid.

Perlu banyak kajian saintifik yang berjaya menghasilkan 12 tan. Walau bagaimanapun, kita sudah mempunyai benih padi yang boleh menghasilkan 8.5 tan semusim berbanding yang ada 3 tan pada masa ini.

Air bawah tanah. Apakah statusnya? Memang menyedari hakikat bahawa kita mempunyai sumber air yang terhad dekat sungai-sungai kita yang kecil, walaupun sungai kita yang besar jua di sekitar Sungai Brunei dan lain-lain lagi, tetapi selalu dimasuki oleh air masin.

Maka, jalan yang terbaik bagi kita dengan kos yang lebih efektif, kalau kita tidak menggunakan empangan mungkin menelan belanja \$40 juta untuk melaksanakannya dan mungkin mengakibatkan banyak pencemaran alam sekitar dari segi hutan-hutan akan musnah dan hidupan liar juga akan terancam. Jalan tengah yang diambil kementerian pada masa ini ialah untuk mencari sumber air bawah tanah yang telah difikirkan selama 1 tahun.

الْحَمْدُ لِلَّهِ beberapa kawasan di Daerah Brunei Muara, Tutong, Temburong dan juga Daerah Belait didapati ada sumber tanah yang boleh dilakukan dan masa ini yang telah dapat dipastikan di kawasan Labi mempunyai potensi yang lebih besar untuk dilaksanakan.

Bagaimanapun, satu analisis perlu dibuat dahulu berkenaan dengan *content* air yang di bawah tanah adakah

sesuai atau tidak untuk dikeluarkan dan apabila betul-betul dipastikan bersesuaian maka akan dilaksanakan sama ada menggunakan inisiatif kerajaan ataupun menggunakan secara *PPP*.

Kosnya lebih rendah sekitar \$100 ke \$200 ribu berbanding dengan menggunakan empangan yang memakan belanja dan jumlah yang berjuta ringgit akan diusahakan tahun ini. Mungkin bermula di Kampung Labi.

Sekian dahulu Yang Berhormat Pengerusi jawapan kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas huraian kenyataan yang begitu panjang dan lebar yang juga membuka mata mereka sendiri mengenai usaha yang telah dijalankan oleh kementeriannya mengenai pertanian, perikanan dan seumpamanya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan Jadual kementerian ini, maka saya ingin menanggungkan Mesyuarat Jawatankuasa kita ini bagi kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditanggungkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan menyambung semula Persidangan kita pada esok hari iaitu hari Khamis, 15 Mac 2018 seperti biasa pada pukul 9.00 pagi.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)